

قَتِيقَن تِيَتَه

PETIKAN TITAH

“DENGAN wujudnya suasana harmoni dan kestabilan ekonomi, sosial dan politik di negara ini, kerajaan, menerusi RKN telah dapat melaksanakan berbagai projek yang bermanfaat bagi daerah ini.”

- Titah Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Ke-42 bagi Daerah Temburong pada 18 Julai 1988.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

“DEMI sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang rasul (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam) daripada golongan kamu sendiri, yang sangat mengambil berat terhadap kesusahan yang kamu tanggung, yang menginginkan kebaikan kepada kamu, dan sangat belas kasihan lagi pengasih terhadap orang-orang mukmin.”
- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah At Taubah ayat 128).

TAHUN 60 / BILANGAN 2

5 JANUARI 2015 / 1436 ربيع الأول

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

Berangkat sertai Sambutan Maulidur Rasul



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mendahului perarakan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan sejauh 3.7 kilometer bersama putera-putera baginda dan kerabat diraja yang lain serta pembesar-pembesar negara. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 11, 12 dan 13).

Majlis Penutup Dikir di Istana Nurul Iman

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,

Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari.

- Majlis Dikir Syarafil Anam Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang dilangsungkan selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan di rumah-rumah orang perseorangan di negara ini adalah menunjukkan kecintaan umat Islam kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Dikir Syarafil Anam selama 12 malam berturut-turut di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman berakhir malam ini dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela

Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang dan selepas itu diikuti dengan Dikir Assalamualaika yang dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid dan imam-imam.

Antara bacaan dikir yang dibawakan ialah Khairuman, Bisyahrin, Alham dan Badat, manakala persembahan Marhaban juga dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid dan imam-imam, apabila sampai pada bacaan 'Ya Habibi' majlis diikuti dengan tembakan meriam sebanyak 21 das.

Ke muka 24



Muka 3

WARGA Kementerian Pembangunan sertai Majlis Penutup Dikir



Muka 4

PERJUANGAN Baginda Rasulullah tetap dikenang

Majukan sektor pengangkutan udara melalui perancangan strategik



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa pada 27 Safar 1436 Hijrah bersamaan 20 Disember 2014 Masihi, bertempat di Dewan Indah, Kelab Rekreasi Diraja Brunei (RBRC), Berakas.

ALHAMDULILLAH segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala, dengan izinNya jua, kita dapat berkumpul di Majlis Sambutan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa pada pagi ini.

Dalam hal ini, peramba / saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Penerbangan Awam, atas undangan bagi

peramba / saya hadir selaku tetamu kehormat di majlis ini.

8 Disember adalah merupakan Hari Penerbangan Awam Antarabangsa yang disambut oleh negara-negara ahli Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO). Tahun ini merupakan tahun yang ke-70 bagi Hari Penerbangan Awam Antarabangsa. Tema tahun ini 'Cooperating on Global Aviation Progress'.

Tema ini mengingatkan kita akan kepentingan untuk sentiasa bekerjasama dalam memajukan sektor pengangkutan udara. Pelaksanaannya bolehlah dilaksanakan melalui perancangan yang strategik dalam menangani cabaran-cabaran yang dihadapi.

Bagi Negara Brunei Darussalam, perayaan Hari Penerbangan Awam tahun ini, mempunyai satu catatan sejarah yang bermakna, kerana tahun ini genaplah pencapaian 60 tahun penubuhan industri Penerbangan Awam.

Perkhidmatan Udara Perdagangan diperkenalkan di Negara Brunei Darussalam pada tahun 1953 dengan terbentuknya perkhidmatan penghantar di antara Labuan, Bandar Seri Begawan, Anduki dan Lutong, di Sarawak. Perkhidmatan ini beroperasi di 'Lapangan Terbang Lama Berakas', iaitu bekas tapak landasan yang telah dibina pada Zaman Peperangan Dunia Ke-2 di mana kerajaan membina landasan sepanjang 3,000 kaki.

Dalam tempoh 60 tahun ini, perkembangan Penerbangan Awam ini dapat dilihat dengan jelas, seperti:

i. Jarak landasan dari 3,000 kaki pada

60 tahun lalu kepada 12,000 kaki.

ii. Landasan yang dulunya hanya mampu menampung *light aircraft* sekarang mampu menampung pesawat B747,

iii. Penaiktarafan sistem 'Airfiled lighting',

iv. Pemasangan 'Instrument Landing System (ILS)',

v. Terminal Penumpang yang dulunya hanya mampu mengendalikan penumpang dalam skala kecil kini telah jauh meningkat (di mana insyaaAllah sedikit masa lagi akan dapat menampung jumlah penumpang 3 juta),

vi. Sistem kawalan lalu lintas udara dulu tidak memiliki radar kini telah memiliki radar,

vii. Perkhidmatan Kawalan Lalu Lintas Udara beroperasi 24/7 sejak Januari 1984,

viii. Penumpang dulu hanya menggunakan tangga untuk turun dari pesawat, sekarang sudah menggunakan titisawat (*aerobridge*) yang menghubungkan pesawat ke terminal,

ix. Dulu tenaga pekerja kebanyakannya pekerja-pekerja asing, namun sekarang anak tempatan telah banyak berkhidmat dalam industri penerbangan,

x. Jumlah penerbangan yang ditangani oleh lapangan terbang kini jauh meningkat.

xi. Keupayaan perkhidmatan bomba lapangan terbang telah jauh meningkat.

xii. Destinasi penerbangan hanya pada peringkat *regional* kini telah *go international*.

Dalam hal ini, peramba / saya ingin menyeru agar segala agensi terlibat khususnya Jabatan Penerbangan Awam, dapat mempertingkatkan lagi komitmen serta dedikasi demi mencapai apa jua yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mengambil sukut baik Hari Penerbangan Awam Antarabangsa Yang Ke-70 Tahun dan pencapaian 60 tahun penubuhan industri penerbangan di negara ini, peramba / saya dengan ini sukacita melancarkan aplikasi 'iFlyBrunei'.

Semoga usaha Jabatan Penerbangan Awam dan semua agensi yang terlibat akan terus konsisten memajukan industri penerbangan di negara ini, Amin.

Sekian Wabillahir Taufeq Walhidayah Wassalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang Pengarang.

5 JANUARI 2015 BERSAMAAN 1436 ربيع الأول 14

BEKALKAN ANAK-ANAK DENGAN PENDIDIKAN SEIMBANG

MELENTUR buluh biar dari rebungnya, itulah kata-kata yang selalu diutarakan oleh orang-orang dahulu dalam perihal mendidik anak-anak. Anak-anak adalah anugerah dari Allah di mana setiap ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam membesarkan dan mendidik anak-anak mereka. Membesarkan dan mendidik adalah dua hal yang berbeza yang mana tanggungjawab yang dititipkan oleh Allah adalah berat dan ibu bapa perlu berganding bahu dalam sama-sama memastikan pendidikan yang diterima oleh anak-anak mereka adalah seimbang.

Membesarkan anak-anak akan memerlukan ibu bapa untuk berkerja dan berusaha untuk mendapatkan nafkah dalam memenuhi segala keperluan harian keluarga. Terkadang dengan kesibukan kerja atau urusan harian, ibu bapa terlepas pandang akan peranan mereka untuk memberikan didikan kepada anak-anak di rumah. Mendidik dan pendidikan anak-anak pula memerlukan usaha berterusan daripada ibu bapa, di samping pertolongan pihak-pihak berkenaan.

Pendidikan yang diterima oleh anak-anak di rumah akan bergandingan dan saling berkesinambungan dengan pendidikan yang diberikan oleh pihak kerajaan atau swasta sama ada pendidikan tersebut berbentuk duniawi atau ukhrawi. Pendidikan duniawi dan ukhrawi kepada anak-anak adalah perlu bagi kita sebagai orang-orang Islam.

Anak-anak yang dilahirkan secara zahirnya merupakan insan yang masih suci dan diumpamakan seperti kain putih di mana ibu bapa yang berperanan dalam mencorak dan mewarnakan kain berkenaan. Jika anak-anak diasuh dalam persekitaran yang harmoni dan lengkap dengan didikan ukhrawi atau agama, di samping pendidikan duniawi atau formal yang diterima serta pantauan berterusan daripada ibu bapa, insyaaAllah anak-anak yang dididik berkenaan akan menjadi seperti acuan yang dibentuk.

Namun apa halnya jika keadaan adalah sebaliknya? Memang mudah untuk berkata dari melakukannya. Namun jangan mengalah sebelum bertarung. Jika Allah sudah mentakdirkan kita dikurniakan cahaya mata, iaitu anak-anak, maka sambut dan pikullah amanah yang diberikan dengan sebaiknya. Cuba berikan pendidikan yang sempurna dan seimbang di antara duniawi dan ukhrawi bagi anak-anak kita, kerana merekalah yang bakal meneruskan susur jalur generasi kita di masa hadapan. Tanpa mereka siapa lagi yang akan meneruskannya?

Dalam hal ini pendidikan di rumah perlu diambil berat oleh ibu bapa. Tidak semestinya dengan menghantar anak-anak kita ke sekolah, maka semua tanggungjawab mendidik dipegang oleh pihak-pihak berkenaan sahaja. Peranan mereka sebagai pendidik adalah di sekolah, manakala peranan kita sebagai ibu bapa adalah di rumah dan berterusan.

Didikan dan teguran ibu bapa akan menjadi ingatan dan panduan berguna kepada anak kita. Ia akan menjadi pegangan mereka dalam menempuhi perjalanan hidup mereka yang baru dilalui. Masih jauh perjalanan dan cabaran yang perlu mereka tempuhi. Oleh itu, perkongsian ilmu dan pengalaman dari ibu bapa adalah perlu, di samping bekalan pendidikan yang mereka terima dalam sama-sama ingat-mengingati antara satu dengan yang lain.

Semakin maju pembangunan semakin pelbagai juga cabaran yang timbul. Maka sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, langkapkanlah anak-anak kita dengan ajaran-ajaran agama dan pendidikan formal yang seimbang. Sering beri dan kongsi apa-apa maklumat yang berguna sebagai bekalan anak-anak kita kelak. Tidak semua yang dibekalkan akan dapat digunakan namun segala sesuatu pasti dapat diaplikasikan mengikut keadaannya.

Bukan mudah hendak mengharungi kehidupan kini apatah lagi bersaing dengan kemodenan teknologi yang kian berkembang pesat. Namun jangan kerana teknologi atau anasir-anasir yang negatif semua yang positif menjadi negatif juga. Sebaliknya yang negatif pasti ada positifnya dan di sebaliknya yang positif juga ada negatifnya. Maka peranan kita sebagai ibu bapa atau manusia adalah untuk menimbang, memilih dan menilai mana yang baik dan buruk bagi keperluan dan kesesuaian keluarga kita.

Pendidikan seimbang dan bimbingan serta nasihat berterusan yang diberikan kepada anak-anak kita tidak mustahil akan menjadikan mereka sebagai seseorang yang berguna bukan sahaja kepada keluarga bahkan juga bangsa, agama dan negara amnya. Jangan anggap sesuatu kekurangan sebagai halangan dan kegagalan kerana di sebaliknya semua itu pasti ada hikmah dan kebaikan. Berusaha, berdoa dan bertawakal semoga apa yang diusahakan, diberi dan dibekalkan kepada anak-anak kita akan membawa berkat bukan sahaja kepada ibu bapa dan keluarga, tetapi juga negara.

Anak-anak adalah harta berharga, jangan diabaikan begitu sahaja, peranan mendidik mereka dipikul bersama, maka berilah didikan seimbang dan sempurna, agar kehidupan dan masa hadapan mereka bahagia, agama dan negara terjamin sejahtera hendakNya jua. - **Ketua Penyuntingan (Nb).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari			
ISNIN	SELASA	RABU	
BANDAR SERI BEGAWAN			
31 °C	25 °C	32 °C	25 °C
MUARA			
31 °C	24 °C	32 °C	25 °C
PEKAN BANGAR			
30 °C	24 °C	30 °C	24 °C
PEKAN TUTONG			
31 °C	24 °C	31 °C	25 °C
PEKAN SERIA			
31 °C	25 °C	32 °C	25 °C
KUALA BELAIT			
31 °C	25 °C	32 °C	25 °C

Sumber: JABATAN KAJICUACA BRUNEI DARUSSALAM

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Teléfono: 2330142 sambungan 1888/1551 atau Talian Cuaca 114

SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abdul Karim,
Ak. Jefferi Pg. Durahman,
Haniza Abdul Latif,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuriah Haji Awang Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Noraisah Muhammed,
Aryentty Haji Arifin,
Mohammad Arif Matali,
Hajah Sujimawati Mejari

Ketua Bahagian Pelita Brunei

Sastra Sarini Haji Julaini

Ketua Penyuntingan

Musa Mohidin,
Mohammad Rainie Haji Durani,
Dk. Nasibahanim Pg. Haji Bakar,
Samle Haji Jait

Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,
Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Nurul Qaidah Ahmad,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Abdullah Asgar

Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Chafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Mohammad bin Kahar,
Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK,
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT,
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
123

NDMC
2380214

Warga Kementerian Pembangunan sertai Majlis Penutup Dikir



Sebahagian daripada para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya yang hadir pada Majlis Penutup Dikir di Masjid Kampung Sungai Hanching.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

MUKIM BERAKAS, Jumaat, 2 Januari. - Majlis Dikir Syarafil Anam Sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berlangsung selama 12 malam berturut-turut di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat dan rumah-rumah orang perseorangan di negara ini berakhir dengan majlis penutup.

Di Masjid Kampung Sungai Hanching di sini, majlis tersebut disertai oleh rombongan pegawai-pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Rombongan diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

SAMBUTAN Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam disemarakkan dengan dikir selama 12 malam berturut-turut yang berakhir dengan majlis penutup.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah diimamkan oleh

Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Said dan seterusnya bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Haji Amrun bin Awang.

Ini diikuti dengan bacaan Dikir-dikir Assalamualaika, Khairuman, Bisyahrin, Al-Ham, Badat Asraqal dan Ya Man Hadzar oleh rombongan pendikir dari Kementerian Pembangunan serta Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Sungai Hanching.

Bagi memberkati majlis, doa penutup dibacakan oleh Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Said.

Maulud Nabi atau Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu acara kebesaran yang diraikan oleh umat Islam di negara ini dan merata negara Islam yang lain.

Antara fadilat berselawat ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah semakin banyak seseorang itu berselawat maka semakin besar ganjaran pahala dan nikmat yang bakal diterimanya bukan saja di akhirat tetapi juga dalam kehidupan di dunia.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah;



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengetuai rombongan berdikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallahu 'Alaihi Wassalam bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Pemangku Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin, ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit, pegawai

dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya serta ahli jawatankuasa takmir masjid dan para penduduk sekitarnya.



KPSSU adakan Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Januari.- Masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara terus giat menyemarakkan dan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seperti lazimnya, rombongan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) dan jabatan-jabatan di bawahnya menyertai Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan) KPSSU, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abd. Hamid.

Lebih 100 pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan dan jabatan-jabatan di bawahnya menghadiri

majlis tersebut.

Majlis yang dimulakan selepas Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah itu didahului dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Penguasa Masjid, Awang Zulkifli bin Murad dan seterusnya diikuti dengan bacaan dikir-dikir Assalamualaika dan Khairuman oleh pegawai dan Kumpulan Dikir Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Kemudiannya diteruskan dengan bacaan Dikir Asraqal oleh Pasukan Dikir KPSSU.

Doa Penutup Dikir dipimpin oleh Imam Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Mudim Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim, sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Abdul Hamid.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri Keusahawanan) Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid antara yang hadir pada Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Dikir Maulud berakhir dengan majlis penutup



ROMBONGAN berdikir Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diketuai oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali.

TUTONG, Jumaat, 2 Januari. - Majlis Dikir Maulud yang diadakan selama 12 malam berturut-turut bagi meraikan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1436 Hijrah/ 2015 Masihi di Masjid Hassanal Bolkiah berakhir dengan Majlis Penutup Dikir.

Dengan dianjurkan oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi Sambutan Maulud Nabi Peringkat

Oleh : Hajah Sujimawati Mejari
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Daerah Tutong, majlis tersebut dihadiri oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Jaafar;

Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam, pegawai dan kakitangan kerajaan, AJK masjid berkenaan dan penduduk kampung sekitarnya.

Majlis dimulakan dengan

Sembahyang Fardu Maghrib dan Sunat Hajat Berjemaah diikuti dengan bacaan Surah Al Faatihah oleh Pegawai Daerah Tutong.

Acara diteruskan dengan bacaan Dikir Assalamualaika, Bisahrin dan Asyraqal beramai-ramai oleh rombongan dikir.

Majlis berakhir dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan bacaan doa yang diketuai oleh

Ketua Imam Masjid Hassanal Bolkiah, Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof.

Seperti lazimnya, acara kemuncak perarakan sempena Maulud Nabi akan diadakan esok di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim Tutong dan perhimpunan wanita diadakan di Dewan Utama Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

Perjuangan Baginda Rasulullah tetap dikenang

Oleh : Dk. Vivy Malessa
Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 2 Januari. - Bagi meraih pahala dan mengingati pengorbanan perjuangan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) tidak ketinggalan untuk sama-sama meraikan Sambutan Maulidur Rasul bagi tahun 1436 Hijrah dengan mengadakan Dikir Maulud.

Sehubungan dengan itu, gema Dikir Maulud di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong berakhir dengan Majlis Penutup Dikir Syarafil Anam setelah diadakan selama 12 malam



berturut-turut.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin

bin Mohd. Noor.

Majlis bermula selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah

bagi memohon ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala agar semua warga PDB sentiasa dikurniakan kesihatan untuk melaksanakan tugas mencegah dan membanteras jenayah serta memohon perlindungan dari Allah Subhanahu Wata'ala mengharapkan PDB dihindari dari kecelakaan dan kesukaran semasa menjalankan tugas.

Majlis diteruskan dengan penutup dikir yang dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis Gadong.

Seterusnya majlis disusuli dengan bacaan penutup dikir, Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan bacaan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam,

PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Bahrin bin Mohd. Noor hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir Timbalan Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam, pengarah-pengarah, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei dan jemputan-jemputan lain dalam sama-sama memeriahkan majlis penutup berkenaan (atas dan kiri bawah).

pengarah-pengarah, pegawai pemerintah, pegawai-pegawai PDB dan jemputan-jemputan lain.

Selain bertujuan bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam, majlis juga dihasratkan untuk menyuntik rasa kecintaan kepada Junjangan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dalam kalangan warga PDB.



Jabatan Mufti Kerajaan terima Anugerah Perdana Penerbit Nusantara

Rencana dan Foto: Osman Abu Bakar
dari Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri

JABATAN Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri telah dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Perdana Penerbit Nusantara, berdasarkan empat buah judul buku tulisan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Empat buah buku yang telah dihantar untuk dicalonkan bagi anugerah tersebut ialah buku Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan, The Shari'ah Penal Code: An Introduction, Fatwa Mufti kerajaan 2012 dan buku Perintah Qanun Jenayah Syar'iah: Neraca Allah (sajak panjang).

BUKU QANUN JENAYAH SYAR'IAH: SATU PENGENALAN

Buku Qanun Jenayah Syar'iah: Satu Pengenalan adalah sebuah buku hasil tulisan Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan. Buku ini disusun dan terhasil daripada sebelas siri ceramah Kuliah Mufti sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam 1434/2013 yang beliau susun dan sunting semula untuk disesuaikan bagi penerbitan sebuah buku.

Ceramah Kuliah Mufti telah diadakan disebelas buah masjid dan surau yang dipilih di negara ini bermula dari 20 Januari hingga 20 April 2013 yang lalu sebagai usaha solo Yang Berhormat Pehin memberi penerangan dan pengetahuan kepada penduduk negara ini khususnya umat Islam tentang keindahan undang-undang jenayah syar'iah, iaitu sebagai mendukung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada tahun 2012 yang lalu bahawa hukum jenayah Syar'iah akan dilaksanakan di negara ini.

Sebagaimana tujuan Yang Berhormat turun padang memberikan kuliah, penerbitan buku ini juga tidak lari dari objektif sebenar kuliah tersebut bahkan penerbitan buku ini diharap akan dapat menyampaikan mesej tersebut ke khalayak yang lebih luas.

Di samping menyampaikan secara ringkas dan khusus penerangan dan

pemahaman mengenai Qanun Jenayah Syar'iah, buku ini juga cuba menyerlahkan keindahan dan kecantikan Qanun sekali gus menyangkal anggapan sebahagian pihak yang beranggapan undang-undang jenayah syar'iah itu usang dan tidak layak untuk dilaksanakan. Di samping itu, buku ini juga turut menjelaskan bahawa undang-undang jenayah syar'iah itu jauh lebih unggul, tidak berubah-ubah dan lebih menyeluruh dibandingkan dengan hukum konvensional buatan manusia.

Dilengkapi dengan penerangan dan contoh-contoh yang jelas dan dengan bahasa yang mudah difahami, buku ini mengandungi tiga bab. Dimulakan dengan muqaddimah yang membicarakan mengenai kehebatan undang-undang Allah, mengenai riba, sistem gadaian Islam dan padah untuk kaum yang derhaka dalam kisah Nabi Syu'aib dan kaumnya.

Bab pertama buku ini menjelaskan tentang Qishash iaitu meliputi definisi, hukuman mati, keenggulan atau keunikan hukum Qishash dan kategorinya dan tentang jenayah mencederakan anggota tubuh badan.

Bab kedua, mengulas mengenai masalah Hudud iaitu meliputi definisi, Hudud dalam al-Qur'an, jenayah-jenayah Sariqah, Hirabah, Zina, Qadzaf, Syurb atau minum arak, Irtidat atau Riddah dan Bughat. Sementara bab ketiga menjelaskan mengenai Ta'zir.

Buku ini diakhiri dengan dua tulisan yang cukup menarik masing-masing dengan tajuk Kedudukan Hukuman Dalam Islam dan Bagaimana Melaksanakannya, dan Perbezaan di antara Undang-Undang Jenayah Syar'iah & Undang-Undang Jenayah Sivil.

Buku ini telah diisytiharkan sebagai buku terlaris 2013 (kategori Ilmiah) semasa Pesta Buku Brunei 2014. Sambutan masyarakat terhadap buku ini di luar jangkaan dan tidak sampai seminggu ia dilancarkan, jualan telah memecah 5,000 naskhah. Sehingga kini buku ini telah diulang cetak sebanyak tiga kali.

Di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2014, buku tersebut telah juga mendapat sambutan di luar jangkaan dan mendapat maklum balas yang besar daripada penerbit dan pengedar buku di Malaysia yang ingin mencetak dan mengedarkannya di pasaran negara tersebut jika ada kebenaran daripada pihak Brunei.

Buku ini juga telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan tajuk 'The Shari'ah Penal Code: An Introduction' dan juga telah dihantar untuk dicalonkan di dalam Anugerah Buku Negara 2014.

PERINTAH QANUN JENAYAH SYAR'IAH 'NERACA ALLAH'

Perintah Qanun Jenayah Syari'ah 'Neraca Allah' adalah sebuah puisi panjang tulisan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, yang juga dikenali sebagai Adi Rumi dalam dunia penulisan tanah air mahupun di Nusantara.

Adi Rumi bergiat aktif dalam penulisan terutamanya puisi (sajak) sejak tahun 50an. Telah menerima beberapa pengiktirafan dari dalam dan luar negara iaitu Penerima ASEAN Cultural Award on Literary Works 1993, Penerima S.E.A Write Award 2000 dan Penerima Anugerah Khas Penulisan Islam Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 2011. Puisi Perintah Qanun Jenayah Syari'ah 'Neraca Allah' ini adalah puisi panjang ketiga tulisan Yang Berhormat selepas puisi panjang Melayu Islam Beraja: 'Mahkota Negara' terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam pada 2011, dan Negara Zikir terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei tahun 2010 yang lalu.

Idea penulisan puisi ini teretus dari titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda Yang Ke-66 Tahun pada 15 Julai 2012 yang antara lain berbunyi: "Beta telah memperkenalkan Perintah Qanun Hukuman Jenayah Syari'ah untuk dilaksanakan di negara ini..."

Puisi ini antara lain menjelaskan tentang berbagai hukum dalam Qanun Jenayah Syari'ah yang juga dikenali sebagai hudud iaitu satu istilah Al-Qur'an bermakna batas hukum (syari'ah) Allah yakni undang-undang dan hukum-hukum Allah.

Bermula dengan membicarakan tentang perbezaan dua Qanun atau undang-undang iaitu qanun yang digubal oleh manusia dan qanun atau undang-undang yang digubal oleh Allah, penulis seterusnya menegaskan bahawa kanun atau undang-undang Allah itu amat cantik dan amat luas, meliputi segala aspek dan jangan dianggap sempit. Undang-undang Allah itu penuh dengan nilai dan etika luhur semata-mata demi untuk keadilan, kerana tidak ada yang lebih utama dan besar dari keadilan, dan disamping undang-undang itu juga ada terselit rahmat bagi kehidupan manusia.

Katanya, bukan orang Islam saja yang memandangnya cantik bahkan orang di luar Islam juga berpandangan begitu, malah mereka bukan sahaja memandang cantik, bahkan menghormatinya.

Puisi ini seterusnya melebar ke masalah atau hukum mengenai Hirabah, Zina, Qadzaf, Qishash dan minum minuman memabukkan seterusnya mengenai murtad.

Di akhir puisi ini, penulis dengan tegas menyatakan bahawa tidak ada alasan lagi untuk takut atau untuk melengah-lengahkan lagi pelaksanaan qanun Allah ini, dan sebagai sebuah negara zikir, Brunei telah melangkah ke hadapan tanpa berdolak dalik untuk



PENASIHAT Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim ketika menyampaikan anugerah kepada Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah selaku wakil Mufti Kerajaan bagi menerima anugerah tersebut.



BERGAMBAR bersama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha.

memiliki akta ini. Bukan bermaksud untuk bermegah atau mendabik dada, tetapi untuk melaksanakan tanggungjawab dan menjunjung qanun ciptaan Allah demi mendapatkan redha dan rahmatNya jua.

FATWA MUFTI KERAJAAN 2012

Fatwa Mufti Kerajaan 2012 adalah sebuah daripada beberapa buah buku dalam siri Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan yang diterbitkan secara tahunan sejak 1995 dan buku ini adalah terbitan tahun ke-18.

Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan adalah buku yang menghimpunkan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang mengandungi pertanyaan-pertanyaan hukum sesuatu perkara bukan hanya daripada penduduk tempatan tetapi juga merentasi sempadan negara seperti dari Malaysia dan Singapura.

Buku ini telah menjadi sumber rujukan utama mengenai hukum-hakam kehidupan hari umat Islam, terutama apabila menghadapi sesuatu masalah kehidupan semasa yang memerlukan penjelasan dan bimbingan hukum.

PENGIKTIRAFAN


Penganugerahan Jabatan Mufti Kerajaan sebagai penerima Anugerah Perdana Penerbit Nusantara, telah diumumkan pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014 yang diadakan di Pusat Persidangan Dunia Putra

(PWTC), Kuala Lumpur, Malaysia pada 10 Disember 2014. Anugerah telah di sampaikan oleh Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim.

Mewakili Mufti Kerajaan bagi menerima anugerah tersebut ialah Pengarah Pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah.

Anugerah ini adalah satu pengiktirafan dan penghargaan serta pemberi suntikan semangat kepada penggiat industri sebagai galakan untuk terus menghasilkan buku yang berkualiti dan tidak tertumpu kepada buku-buku komersial. Di samping itu, anugerah ini juga menjadi platform kepada masyarakat umumnya mengenali penulis, pelukis, pereka grafik, jurufoto dan ramai lagi yang bekerja serta menimbulkan minat memilih kerjaya dalam industri penerbitan buku.

Anugerah Buku Negara 2014 adalah anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) iaitu sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada tahun 2002 bagi menyahut seruan kerajaan untuk memajukan industri buku di Malaysia dan ditubuhkan untuk membantu meningkatkan kempen menyemai budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia dalam usaha mencapai wawasan negara tersebut.



EMPAT buku yang telah dihantar untuk dicalonkan bagi Anugerah Perdana Penerbit Nusantara.

Lebih empat ribu serikan perhimpunan Maulidur Rasul

Oleh : Dk Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

Foto : Mohd Sahrizal Haji Said

KUALA BELAIT, Sabtu, 3 Januari. - Sejumlah 4,303 peserta daripada 50 pasukan menyertai Majlis Perhimpunan dan Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Belait Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi yang diadakan di Padang Bandaran, Jalan Sultan, di sini.

Pasukan yang menyertai terdiri daripada ahli-ahli jawatankuasa, pasukan-pasukan beruniform, jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta, sekolah-sekolah rendah, agama dan Arab, institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah menengah dan maktab kerajaan dan swasta, masjid, surau, balai ibadat, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK) dan persatuan-persatuan.

Tetamu kehormat, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh johan Peraduan Membaca Al-Qur'an Bagi Saudara-Saudara Baru Peringkat Daerah Belait Tahun 2014M dan tempat ketiga peringkat negara, Awang Muhd. Kamarul Nisa bin Muhd. Pangkat dan menyusul selepas itu persembahan Dikir Marhaban oleh gabungan pegawai dan

kakitangan jabatan-jabatan Daerah Belait.

Tazkirah Khas berkaitan tema sambutan Maulud pada tahun ini 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' disampaikan oleh Pegawai Ugama, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar.

Dr. Haji Noralizam dalam tazkirahnya antara lain menyatakan bahawa mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bererti mengimani Baginda, mendahulukannya berbanding diri, harta mahupun anaknya serta 'Ittiba' (meneladani) dalam perkara pokok-pokok agama mahupun cabangnya.

"Mengutamakan perkataan Baginda berbanding perkataan manusia lain dan bersungguh-sungguh dalam mengambil petunjuk dari petunjuk-petunjuk Baginda dan dalam menolong agama Islam," tambah beliau.

Beliau menyatakan, umat-umat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang beriman dan beramal soleh, ada janji nikmat dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An Nur, ayat 55 yang bermaksud: "Dan Allah telah berjanji kepada

orang-orang yang beriman di antara kamu dan mengerjakan amal-amal yang soleh bahawa Dia sungguh-sungguh akan menjadikan mereka berkuasa (khalifah) di bumi, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka berkuasa, dan sungguh Dia akan meneguhkan bagi mereka agama yang telah diredai-Nya untuk mereka, dan Dia benar-benar akan menukar (keadaan) mereka, sesudah mereka berada dalam ketakutan menjadi aman sentosa. Mereka tetap menyembah-Ku dengan tiada mempersekutukan sesuatu apa pun dengan Aku. Dan barangsiapa yang (tetap) kafir sesudah (janji) itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq."

Pengajaran daripada ayat tersebut bahawa Allah Subhanahu Wata'ala menjanjikan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang beriman dan beramal soleh bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan menjadikan mereka sebagai khalifah-khalifah di bumi (mempunyai kerajaan atau pemerintah, sebagaimana Dia telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka sebagai khalifah-khalifah yang berkuasa).

Selain itu, Allah akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredai-Nya untuk mereka dan Allah juga akan melimpahi mereka dengan rahmat keamanan setelah mereka mengalami ketakutan, huru-hara dan ancaman.

Dengan syarat mereka (umat Nabi Muhammad) hendaklah kekal sebagai umat beribadat kepada Allah dengan mentauhidkan-Nya, tiada mensyirkkan Allah, tunduk patuh kepada-Nya termasuklah dalam berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, berkerajaan dan bernegara.

Tetamu kehormat seterusnya diperkenalkan kepada ketua-ketua pasukan dan menyampaikan sijil penyertaan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Doa selamat dan seruan tiga kali selawat oleh Imam Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Lorong Tiga Selatan Seria, Awang Haji Ibrahim bin Haji Daud.

Perarakan mengelilingi Pekan Belait didahului dan diketuai oleh



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman diperkenalkan dengan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan berkenaan.

tetamu kehormat dan ahli-ahli jawatankuasa sambutan, diikuti pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Perarakan sejauh 3.2 kilometer bermula dari Padang Bandaran, Jalan Sultan ke Jalan Maulana membelok ke Jalan Mckerron menuju ke Jalan Nakhoda Ragam seterusnya ke Jalan Bunga Raya dan ke Jalan Sultan dan

masuk semula ke Padang Bandaran.

Sebaik sahaja pasukan-pasukan yang mengambil bahagian berarak mengelilingi Pekan Belait, Kumpulan Fariqul Mukmin yang diketuai oleh Awang Haji Abdul Azim bin Haji Tujoh menyampaikan persembahan tausyeh di pentas perayaan sehingga semua pasukan tiba semula di Padang Bandaran.



KEMERIAHAN sambutan Maulidur Rasul dikongsi bersama.



SEBAHAGIAN daripada pasukan yang menyertai majlis perarakan tersebut.

Berselawat zahirkan rasa cinta kepada Nabi

KUALA BELAIT, Sabtu, 3 Januari. - Sebagai seorang Islam, mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat dituntut dan seseorang itu tidak dianggap beriman sehingga dia benar-benar mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Pengerusi Bersama Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Belait Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi, Dayang Hazalina binti Dhalan berkata, apabila cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah benar-benar subur

dan hidup di dalam dada seseorang Muslim, barulah akan wujud kepatuhan dan ketaatan kepada ajaran-ajaran serta perintah-perintah Baginda.

"Salah satu cara untuk menzahirkan rasa cinta dan kasih kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ialah dengan berselawat," jelasnya pada Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Belait Tahun 1436H.

Beliau menjelaskan, selawat bermaksud doa bagi tujuan memohon supaya Allah Subhanahu Wata'ala

melimpahkan rahmat, menambahkan kemuliaan dan kehormatan serta kepujian kepada Baginda.

"Lebih-lebih lagi kedudukan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana FirmanNya dalam Surah Al Ahzab ayat 56 yang tafsirnya: "Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya berselawat kepada Nabi. Wahai orang-orang yang beriman! Berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam dengan penuh penghormatan," tambahnya.

Isteri Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Abdul Wahab hadir menjadi tetamu khas majlis yang diadakan di Dewan Persidangan, di sini.

Ceramah yang bertajuk 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' selaras dengan tema sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini yang disampaikan oleh Pegawai



ISTERI Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Zainab binti Haji Abdul Wahab hadir menjadi tetamu khas pada majlis yang diadakan di Dewan Persidangan.

Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Hajah Rogayah binti Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abdul Wahid.

"Cinta kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam tidak cukup sekadar dilahirkan dalam bentuk pengakuan kata-kata, melainkan juga harus dibuktikan dalam bentuk perbuatan yang nyata antara lain dengan mengamalkan dan mematuhi agama Islam yang

diajarkannya, baik yang terdapat dalam Al-Qur'an mahupun dalam Hadis atau Sunnahnya," kata Dayang Hajah Rogayah.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Guru Kanan Al-Qur'an, Sekolah Ugama Perdana Wazir, Kuala Belait, Dayang Roslina binti Haji Timbang.

Majlis bertujuan untuk menyemarakkan lagi sambutan Maulidur Rasul, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan wanita khususnya wanita di Daerah Belait serta meningkatkan perpaduan dalam kalangan kaum wanita berperanan membentuk dan mencorak hidup anak bangsa yang lebih dinamik.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan tausyeh 'Solatun' oleh gabungan Muslimah-Muslimah masjid, persembahan nasyid 'Ya Nabi Salam Alaika' oleh gabungan persatuan-persatuan wanita dan Biro-Biro Wanita Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPMK).

Persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan Ahli-ahli Persatuan Wanita Daerah Belait, Biro-Biro Wanita, MPMK dan Muslimah-Muslimah Masjid turut menyemarakkan lagi majlis berkenaan.



ANTARA jemputan yang hadir pada Majlis Perhimpunan Wanita Sempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Belait Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi.

Lebih lima ribu sertai perhimpunan Maulud Daerah Tutong

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 3 Januari. - Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Daerah Tutong berlangsung di Padang Sekolah Rendah Muda Hashim yang menghimpunkan lebih 5,000 peserta dari segenap lapisan rakyat dan penduduk di daerah ini.

Majlis yang membawa tema 'Mencintai Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam' bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel

Kampung Kiudang, Awang Haji Mahri bin Haji Metussin.

Acara kemudiannya disusuli dengan tetamu kehormat Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang mengambil bahagian dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil penyertaan.

Turut menyemarakkan majlis ialah persembahan Dikir Marhaban daripada gabungan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan

SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad diperkenalkan kepada pasukan-pasukan yang menyertai perarakan dan seterusnya menyampaikan sijil penyertaan.

kerajaan serta belia-belia Daerah Tutong.

Doa selamat dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel Kampung Kiudang, Awang Haji Mahri, sementara bacaan selawat dilaungkan oleh Imam (bersara) Masjid Kampung Kupang, Tutong, Awang Haji Siadis bin Haji Damit.

Pada tahun ini, 39 buah pasukan yang melibatkan lebih 5,089 orang menyertai sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang berjalan mengelilingi Pekan Tutong sejauh 2.1 kilometer.

Perarakan didahului oleh pasukan tetamu kehormat serta ahli-ahli jawatankuasa sambutan, pasukan berpakaian seragam di Daerah Tutong, sekolah-sekolah menengah dan rendah, jabatan-jabatan kerajaan, masjid-masjid dan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung.



SEBAHAGIAN daripada pasukan yang menyertai majlis perarakan di Daerah Tutong.

MAJLIS dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Awang Haji Mahri bin Haji Metussin.



SETIAUSAHA Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Awang Haji Nazmi menyertai perarakan sejauh 2.1km mengelilingi Pekan Tutong.



Ajaran dan akhlak Rasulullah tetap relevan

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 3 Januari. - Bagi sama-sama memperingati Ulang Tahun Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, kaum wanita di Daerah Tutong tidak ketinggalan untuk sama-sama hadir memeriahkan sambutan Maulidur Rasul dengan mengadakan Majlis Perhimpunan Wanita sempena sambutan berkenaan bagi tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi peringkat Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini ialah isteri Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Dayang Hajah Binanun

binti Haji Bungsu.

Lebih 600 Muslimah hadir pada perhimpunan wanita yang dimulai dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an daripada johan Musabaqah Belia Daerah Tutong 2013, Dayang Norezah binti Haji Mohammad Deli bersama terjemahannya yang dibacakan oleh Dayang Hajah Zainun binti Haji Mohd. Daud daripada Ma'had Islam Brunei, Tutong.

Sementara itu, Pengerusi Bersama Perhimpunan Wanita sempena sambutan berkenaan, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Sawal dari Jabatan Pengajian Islam (JPI), daerah ini, dalam ucapan alu-aluan antaranya menegaskan perlunya generasi yang lahir dalam era ledakan teknologi ini didedahkan dengan keperibadian Rasulullah sebagai *role model* atau idola yang sesuai dalam pelbagai aspek kehidupan merentas zaman.

"Ajaran dan akhlak Baginda sentiasa relevan dengan kehidupan manusia, dulu, sekarang dan akan datang. Apabila hal ini dapat ditani dan mendarah daging dalam kalbu dan peribadi anak bangsa kitani, insyaaAllah, generasi bangsa kitani tidak akan hanyut oleh arus kemajuan duniawi," tegasnya.

Terdahulu, beliau juga menyentuh mengenai tema sambutan Maulidur Rasul tahun ini iaitu 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam', yang mana tema tersebut membawa pengertian yang sangat mendalam dan bertepatan sekali dengan peribadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah membawa rahmat, bukan sahaja untuk umatnya malahan untuk

seluruh makhluk yang ada di muka bumi ini.

Akhlak Baginda yang sangat mulia, tambahnya adalah salah satu rahmat yang wajar diteladani seluruh umat manusia.

Menurutnya cara kita mahu berakhlak seperti Baginda Rasulullah tentulah dengan ilmu kerana tanpanya kita tidak dapat membezakan manakah akhlak yang baik dan manakah akhlak yang buruk.

Beliau menyifatkan tema sambutan tahun ini amat bertepatan dengan apa yang telah termaktub dalam Al-Qur'an Surah Ali 'Imran ayat 31 yang kira-kira bermaksud : "*Katakanlah (wahai Muhammad), jika kamu sekalian benar-benar mencintai Allah maka ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi kamu dan mengampuni dosa-dosamu, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.*"

Untuk mencintai Baginda Rasulullah, katanya, kita perlulah mengenali terlebih dahulu riwayat hidup dan sahsiah Baginda, bak kata pepatah 'tak kenal maka tak cinta'.

"Terdapat pelbagai cara untuk kita menzahirkan rasa cinta kita terhadap Baginda adalah dengan mentaati segala perintah Allah dan juga perintah Rasul Allah dan menjauhi segala larangan-Nya dan larangan Baginda," ujarnya.

Di samping itu tambahnya, kita juga digalakkan mengamalkan amalan sunnah Baginda dari segi perbuatan dan percakapan serta memperbanyakkan selawat sebagai usaha murni untuk menyatakan rasa cinta kepada Rasul Allah.

"Sesungguhnya kelahiran Baginda ke dunia ini, penuh dengan rahmat dan sudah sewajarnya kita membesarkan Hari Keputeraan insan mulia ini selaku tokoh agung sepanjang zaman bukan hanya untuk



ISTERI Setiausaha Tetap (Pengurusan dan Antarabangsa) Kementerian Kewangan, Dayang Hajah Binanun binti Haji Bungsu menyertai bacaan Dikir Marhaban bersama jemputan yang hadir.

umat Islam malahan untuk umat manusia sejagat," ujarnya.

Perhimpunan tersebut bertujuan untuk memeriahkan sambutan Maulud khususnya di daerah ini, di samping untuk mendapatkan taufik dan hidayah daripada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesuai dengan konsep Negara Zikir yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, majlis tersebut turut diserikan dengan Ceramah Khas Maulidur Rasul bertajuk 'Wanita Solehah Pelita Ummah', disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Agama Kanan, Seksyen

Kajian dan Perancangan, Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Omi Kalsum binti Haji Mohd. Noor.

Perhimpunan wanita ini dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan wanita kerajaan, persatuan-persatuan dan penduduk Daerah Tutong.

Majlis turut diserikan dengan bacaan Dikir Marhaban beramai-ramai diketuai oleh guru-guru besar sekolah agama Daerah Tutong dan diakhiri dengan bacaan doa selamat yang dibacakan oleh pegawai dari JPI, daerah berkenaan, Dayang Lolyta binti Mohd. Jenin.



CERAMAH Khas Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam disampaikan oleh Pegawai Pelajaran Agama Kanan, Seksyen Kajian dan Perancangan, Bahagian Dasar Perancangan dan Penyelidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Omi Kalsum binti Haji Mohd. Noor.

Pekan Bangar bergema dengan laungan selawat



Oleh : Samle Haji Jait
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANGAR, Sabtu, 3 Januari. - Pekan Bangar bergema dengan laungan selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam daripada lebih 1,400 orang peserta pada Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad

Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1436 Hijrah bagi daerah ini.

Para peserta berkenaan mewakili kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, mukim-mukim, Majlis-Majlis Perundingan Kampung, institusi-institusi pendidikan serta persatuan-persatuan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof mengepalai perarakan sejauh 3 kilometer yang bermula dari Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan.

di daerah ini.

Tetamu kehormat khas majlis, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd Yusof mengepalai perarakan sejauh 3 kilometer yang bermula dari Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan menuju ke Pekan Bangar sebelum berpusing kembali ke padang perhimpunan.

Perarakan turut disertai oleh ahli-ahli jawatankuasa, jemputan dan pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Sebelum itu, Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Daerah Temburong telah bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Guru Ugama Sekolah Bokok Temburong, Awang Abdul Aziz bin Haji Hamzah.

Persembahan Dikir Marhaban oleh imam-imam masjid Daerah Temburong memeriahkan lagi majlis



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib menyampaikan sijil penyertaan kepada pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang turut mengambil bahagian.

yang berlangsung di Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar, di sini.

Doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Batu Apoi, Awang Norezam bin Zaini dan seterusnya melaungkan selawat sebanyak tiga kali.

Tetamu khas kemudiannya diperkenalkan kepada ketua-ketua

pasukan dan menyampaikan sijil penyertaan kepada yang mengambil bahagian.

Majlis Perhimpunan dan Perarakan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1436 Hijrah itu juga diadakan secara serentak di kesemua daerah dengan tema 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian dalam perarakan dan persembahan Dikir Marhaban oleh imam-imam masjid Daerah Temburong memeriahkan lagi majlis (kiri dan atas).

Perhimpunan wanita zahirkan rasa syukur

Berita dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Sabtu, 3 Januari. - Perhimpunan Acara Wanita Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam antara lain bertujuan bagi memperingati keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, memuliakan Baginda dan menzahirkan rasa kesyukuran sebagai umat Baginda.

Di daerah ini perhimpunan di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar

dihadiri oleh seramai 300 Muslimah mewakili pegawai dan kakitangan kerajaan, mukim-mukim dan persatuan-persatuan termasuk orang awam.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dayang Noor Ashikin binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Guru

Besar Sekolah Ugama Piasau-Piasau, Dayang Normadiyah binti Haji Timbang yang juga tenaga pengajar Skim Tilawah Al-Qur'an Remaja Daerah Temburong.

Ceramah Khas Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam oleh Pegawai Ugama Kanan, Ketua Bahagian Penyebaran Da'wah, Dayang Hajah Zurainah binti Haji Gunong menyerikan lagi perhimpunan.

Dalam ceramahnyanya beliau antara lain menjelaskan bahawa asas untuk menyintai Rasulullah adalah dengan mengenali Baginda, iaitu mempelajari dan membaca sirah-sirah Baginda Rasulullah Sallallahu



ISTERI Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dayang Noor Ashikin binti Pehin Orang Kaya Seri Sura Pahlawan Dato Paduka Haji Mohd. Tahir menyertai para hadirin membacakan Dikir Marhaban yang dipimpin oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Perhimpunan Acara Wanita.

Alaihi Wasallam, selain sentiasa mengingati tujuan Baginda diutus oleh Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu untuk menyampaikan dan menyebarkan Islam kepada umat manusia.

Majlis diteruskan dengan persembahan tausyeh oleh guru-guru agama Daerah Temburong dan diakhiri dengan bacaan Dikir Marhaban oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Perhimpunan Acara

Wanita serta para Muslimah yang hadir.

Dengan adanya perhimpunan seumpama ini diharap akan dapat menzahirkan rasa kecintaan para Muslimin dan Muslimah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke tahap yang lebih tinggi ke arah sama-sama memperkasa diri dalam pelbagai aspek.



PERSEMBAHAN tausyeh oleh guru-guru agama Daerah Temburong dan diakhiri dengan bacaan Dikir Marhaban oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Perhimpunan Acara Wanita.

KEMAJUAN serta perkembangan teknologi dan ledakan aktiviti ekonomi seiring berjalan dengan usaha mempertahankan keindahan dan keunikan khazanah warisan bangsa. Perkara tersebut amat jelas kelihatan hasil pengamatan penulis semasa menghadiri Program Pertukaran Media ASEAN - Republik Korea [ASEAN - Republic of Korea (ROK) Media People's Exchange Programme] yang berlangsung dari 7 hingga 14 Disember 2014. Program tersebut diunkayahkan bersempena dengan Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN - ROK diadakan pada 11 dan 12 Disember 2014.

Program berkenaan melibatkan 28 pengamal media dari negara anggota ASEAN termasuk wakil dari Sekretariat ASEAN yang membawa rombongan melawat ke tempat-tempat menarik di Seoul dan Busan, ROK. Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Jabatan Penerangan, Borneo Bulletin dan The Brunei Times.

ROK merupakan salah sebuah negara tertua yang melalui pelbagai fasa pentadbiran dan mencapai kemerdekaan dari jejahan Jepun pada 15 Ogos 1945. Walau bagaimanapun detik perbalahan terjadi menyebabkan wujudnya Korea selatan dan utara pada hari ini atau lebih spesifik - Korea Selatan (ROK) dan Korea Utara (Democratic People's Republic of Korea).

Selepas Perang Korea (1950 - 1953), pentadbiran ROK mula fokus ke arah memodernisasikan negara dan hingga ke hari ini, negara tersebut berjaya menjadi salah sebuah negara maju dengan pendapatan kapita yang tinggi, menjadikan Seoul sebagai salah sebuah pusat utama kewangan antarabangsa.

Kemajuan teknologi tidak dapat dipisahkan dari negara berkenaan, apatah lagi apabila disebut jenama terkenal seperti Samsung. Rombongan media diberi peluang melihat

Hubungan media ASEAN - ROK dikukuhkan

Rencana dan Foto :
Sastra Sarini binti Haji Julaini



secara lebih dekat kemajuan dan perkembangan yang dicapai oleh Samsung dengan melawat Samsung Innovation Museum terletak di Samsung Digital City, Suwon di hari pertama program diadakan.

Kemajuan sains yang dipamerkan di sini memberi penekanan kepada kepentingan sains serta proses evolusi yang dialami dan memberi kesan positif ke arah perubahan teknologi seperti terciptanya televisyen, telefon dan sebagainya.

Semasa berada di Busan, rombongan diberi peluang melihat lebih dekat tapak industri berat Hyundai yang membina kapal-kapal untuk dibekalkan kepada pasaran domestik dan antarabangsa.

Dengan kemajuan teknologi dan kepesatan ekonomi, budaya dan tradisi tetap utuh. Ini dapat disaksikan melalui lawatan rombongan ke tempat-tempat strategik yang mempamerkan keunikan budaya dan gaya kehidupan yang



ISTANA Changdeokgung tersergam indah (atas kiri) dan satu persembahan kebudayaan di Traditional Cultural Theme Park - Korean Folk Village (atas).

satu taman bertemakan tradisi dan kebudayaan dinamakan Traditional Cultural Theme Park - Korean Folk Village yang membawa pengunjung ke zaman dinasti Joseon di mana alam semula jadi memainkan peranan penting pada masa itu. Taman berkenaan dibahagi kepada tiga bahagian utama, iaitu perkampungan (Folk Village), dewan pameran dan kawasan persembahan.

Di Folk Village, tanah seluas 245 ekar tanah digunakan khusus bagi menunjukkan pengunjung cara kehidupan zaman Dinasti Joseon. Manakala beberapa persembahan disediakan untuk ditonton oleh pengunjung seperti tarian tradisi dan pertunjukkan akrobatik berjalan di atas tali.

Salah satu lagi tempat menarik menunjukkan kebudayaan dan tradisi negara berkenaan ialah dengan melawat Istana Changdeokgung terletak di Seoul dibina pada tahun 1405. Satu kebakaran telah menjejaskan struktur istana berkenaan, walau bagaimanapun kerja-kerja membaiki pulih dilaksanakan bagi melindungi kepentingan istana yang merupakan salah satu khazanah negara dan termasuk dalam senarai UNESCO World Heritage. Keindahan istana tersebut memberi pengaruh ke arah seni bina bangunan-bangunan di Korea, landskap hijau dan seni secara am.

Rombongan juga dibawa melawat Taejongdae, satu monumen di Busan terkenal dengan pantai bercirikan batu. Dengan ketinggian 250 meter, Taejongdae dinamakan selepas raja Ke-29 Dinasti Silla. Jika cuaca mengizinkan, Pulau Tsushima dari negeri Jepun boleh jelas kelihatan melalui kawasan *observatory*.

Destinasi terakhir lawatan bagi Program Pertukaran Media ini ialah ke Seoul Namsan Tower. Ia dibukakan untuk kunjungan orang ramai pada 15 Oktober 1980 dengan ketinggian 236.7 meter terletak di Gunung Namsan. Di sini pengunjung boleh melihat suasana panoroma dan

keindahan bandar Seoul.

Selain tempat-tempat yang disebut di atas, delegasi juga dibawa melawat ke beberapa tempat lain termasuk Demilitarised Zone (DMZ), Pasar Ikan Noryangjin, Pantai Haeundae dan Jambatan Gwangan, Tanah Perkuburan Memorial Bangsa-Bangsa Bersatu di Korea (United Nations Memorial Cemetery in Korea), Gangnam Station dan lain-lain.


ASEAN - REPUBLIK KOREA

ASEAN dan ROK mempunyai hubungan yang erat serta kukuh berpandukan kepada saling kepercayaan dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Hubungan mesra amat ketara sekali dengan adanya Sidang Kemuncak Komemoratif ASEAN-Korea meraikan hubungan dialog ASEAN-Korea yang sudah mencapai 25 tahun.

ASEAN dan ROK mempunyai kerjasama dalam pelbagai bidang seperti politik, keselamatan, ekonomi, dan sosio-ekonomi dan ia terus berkembang hingga ke hari ini. Dalam bidang ekonomi, pelaburan dianggarkan sebanyak USD135 bilion diraih di antara kedua-dua pihak, manakala dalam pelaburan bersama juga dianggarkan sebanyak USD4 bilion pada tahun 2013. Manakala jumlah pelawat di antara negara ASEAN dan ROK juga semakin meningkat dengan purata sebanyak lima juta orang setiap tahun. Di samping itu, pertukaran kebudayaan membantu ke arah menjana pertumbuhan ekonomi, kefahaman antara penduduk dan kesedaran yang tinggi mengenai warisan budaya di rantau ini.

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM - ROK

Hubungan diplomatik di antara Negara Brunei Darussalam dengan ROK dimeterai pada 1 Jun 1984, manakala konsulat Jeneral ROK di Bandar Seri Begawan ditubuhkan pada 15 September 1983 yang kemudiannya



NAMSAN Tower dengan ketinggian 236.7 meter terletak di Gunung Namsan.

dinaikkan ke taraf duta pada 1 Januari 1984. Sehingga kini, hubungan dua hala di antara kedua-dua buah negara amat mesra dan rapat dengan kerjasama di pelbagai bidang seperti ekonomi dan perdagangan, pertanian, pendidikan, budaya, teknologi info-komunikasi, pelancongan dan lain-lain.

Hubungan berkenaan bertambah lebih akrab dengan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke ROK pada 9 hingga 10 Disember 2014 baru-baru ini.

Ia bertambah kukuh dengan termeterainya tiga perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) meliputi perjanjian pengelakkan cukai berganda dan pengecualian fiskal cukai-cukai pendapatan, MoU bidang pendidikan dan pertanian semasa lawatan negara berkenaan.

PROGRAM PERTUKARAN MEDIA

Program ini memberi banyak manfaat kepada peserta terutama ke arah mengukuhkan hubungan antara pengamal media ASEAN dan ROK. Ia memberikan peluang melihat secara langsung akan keadaan sesebuah negara dan belajar menghargai kemajuan, di samping budaya dan tradisi sesebuah negara.



BERGAMBAR kenangan dengan salah sebuah rumah yang digunakan semasa Dinasti Joseon (atas sekali) dan salah satu bangunan di Istana Changdeokgung mempamerkan senibina yang indah dan unik (atas).

diamalkan.

Pelbagai langkah telah diambil bagi mempertahankan budaya dan tradisi Korea yang bukan sahaja ditumpukan kepada penduduk setempat malah boleh dinikmati dan disaksikan oleh pengunjung-pengunjung dari luar negara. Antara langkah-langkah tersebut ialah dengan membina

سروا سوچي

تنتوتن منجيتاي رسول الله صلى الله عليه وسلم.

تفسير:

دان اف جوا سوروهن يغ ديريكن اوله رسول الله كقد كامو مك تريماله (عملكلنه) دان اف جوا يغ كامو دلارغ ملاكو كنن مك تيغكلكلنه، دان برتقوي له كقد الله، سسغكوهن الله ساعه برت سيقسان. كدوا: منلادني اخلاق بكندا صلى الله عليه وسلم كران رسول الله صلى الله عليه وسلم اداله أسوة حسنة يات جنتوه تولادن يغ بايك اتوق دايكوتي اوله أومتن.

كتيك: مغوجفكن صلوات دان سلام كأتس رسول الله صلى الله عليه وسلم. ستورغ يغ مغاكو منجيتاي رسول الله صلى الله عليه وسلم، ليدهن اكن سلالو برصلوات كقد بكندا، منكلا هاتين اكن سنتياس مغايتاي بكندا، مغايتاي كبايكن ۲ دان فركارا يغ بوله ملاهركن فراسان جيتنا كقدان، سهيغك لاهيرله فراسان ريندو كقد بكندا صلى الله عليه وسلم.

كأمة: مغلي بكندا ملالوي سيره يات روايه هيدوف بكندا محمد صلى الله عليه وسلم. دغن مغتهوي سيره بكندا، كيت اكن دافه ليه مغلي بكندا، دافه مغحياتي كفريبادين دان تيغكه لايكو بكندا دان ستروسن دافه مغميل فعاجرن دان تولادن اتوق دجاديكن جنتوه إيكون دالم كهيدوفن كيت سهارين.

مسلمين يغ درحمي الله،

سسغكوهن كيت براس برأتوغ منجادي أومه نبي محمد صلى الله عليه وسلم كران بكندا ساعه مغاسيهي كيت سهيغك بكندا سنديري مغاغكش كيت سباكي سودارا بكندا. دالم سبواه حديث يغ دروايتكن درفد أنس بن مالك رضي الله عنه، رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

مقصودن:

"اكو ايغن اتوق برتمو دغن سودارا ۲ كو" لالو فارا صحابه برتانه تيدفكه كامو اين سودارا ۲ مو؟ بكندا منجواب: "كامو اداله صحابه ۲ كو سدغن سودارا ۲ كو اداله مريك يغ برلمان دغنكو والوفون مريك تيدق فرنه مليهتكو.

أخيرن، ماريله كيت محاسبه ديرري دغن برعزم اتوق مغهيدوفكن سنه بكندا سباكي تندا جيتنا كقد رسول الله صلى الله عليه وسلم. سموك دغن دمكين كيت اكن ترماسوق دالم كولوغن أومه بكندا يغ اكن منداقة شفاعه رسول الله دهازي أخيره كلق دان دماسوقن كدالم شرك برسام بكندا صلى الله عليه وسلم، آمين يا رب العالمين.

تفسير:

كنهويله بهوا دكالغن كامو اد رسول الله. كالو له دي منوروت كهندق كامو دالم كبايكن فركارا، تنتوله كامو اكن مغعلي كسوسهن تناي الله منجاديكن كامو جيتنا كقد كإيمان سرت منجاديكن اينده دالم هاتي كامو دان منجاديكن كامو بنجي كقد ككفوران دان فربواتن فاسق سرت فربواتن درهاك. مريك يغ برصقه دمكين اينله اورغ ۲ يغ تنف براد دالم كبنران.

بكندا صلى الله عليه وسلم منجواب: "اكو برتانه تنتغ كريساون دان كماهوان كو تنتغ سيافكه فمباچ ۲ القران سلفسي كوفتن كو؟ تنتغ سيافكه يغ برفواس رمضان سلفس كوفتن كو؟ تنتغ سيافكه يغ منويكن حج كبيت الله الحرام سلفس كوفتن كو؟ تنتغ سيافكه أومتكو يغ برلمان سلفس كوفتن كو؟ جبريل منجواب: "بركمبيراله واهي ككاسيه الله سبحانه وتعالى، سسغكوهن الله سبحانه وتعالى برفرمان: "سسغكوهن اكو حرامكن شرك كقد سموا نبي دان أومه تردهولو سهيغكه اي دماسوقي اوله مو دان أومتو واهي محمد.

بركات بكندا صلى الله عليه وسلم: "سكارغ باروله تنغ جيوكو واهي ملائكة موت، ملك أمبيل له اي سفرتمان أغكو دفرينتهكن مغميلن".

برداسركن قيصة ترسيوت جلسله بهوا سسغكوهن رسول الله صلى الله عليه وسلم ساعه منجيتاي أومتن دغن مغميل برت تنتغ كادان أومتن والوفون دساعة بكندا هندق دأمبيل باوان، أوله يغ دمكين كيت يغ مغاكو أومه نبي محمد صلى الله عليه وسلم اداكه كيت جوك بنر ۲ تله منجيتاي بكندا؟

منجيتاي رسول الله صلى الله عليه وسلم مروفاكن ساتو تنتوتن اكاه. تنتوتن ترسيوت اد دسبوتكن دالم سبواه حديث يغ دروايتكن درفد أنس بن مالك رضي الله عنه دي بركات: رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا:

مقصودن:

تيدفله سمرنا إيمان سسورغ درفد كامو سهيغك ديريكو منجادي اورغغ فالغ دجيتاي مليهبي إيوبافن، انقن دان مأنسي كسلوروهن.

منجيتاي نبي صلى الله عليه وسلم اداله أنتارا عبادو يغ دجنجيكن دغن كنجانن يغ بسر درفد الله، دانتاران إياله اكن دافه بركومقول برسام نبي صلى الله عليه وسلم قد هاري قيامة دان جوك منداقة كنجانن شرك سباكيما فرمان الله دالم سورة النساء آية ۶۹:

تفسير:

دان سياف يغ طاعة كقد الله دان رسول الله، ملك مريك اكن دتمفكن دشرك برسام ۲ اورغ يغ الله تله كرنياكن نعمة كقد مريك، يات نبي ۲، اورغ ۲ صليبين، اورغ ۲ يغ ماتي شهيد سرت اورغ ۲ صالح. دان مريك اينله تمن يغ سبايك ۵.

كيت سلاكو أومه نبي محمد صلى الله عليه وسلم هندقله ممبوتيكن دان منظاهركن راس جيتنا كقد بكندا، دانتاران إياله دغن:

فرتام: منطاعني سكل سوروهن دان منيغكلكن سكل لاراغن بكندا صلى الله عليه وسلم سرت مغهيدوفكن سنه رسول الله صلى الله عليه وسلم دغن برفكغ تكوه كقد أجارن القران دان سنه بكندا.

الله سبحانه وتعالى ممريتهكن كقد أومه مأنسي اتوق منطاعني سوروهن دان منيغكلكن لاراغن رسولن سباكيما دسبوتكن دالم سورة الحشر آية ۷:

ماريله كيت منيغكلكن كقتوان كيت كقد الله سبحانه وتعالى دغن فوه كيقين دان كاخلاصن دغن ملاكو كن سكل سوروهن دان منيغكلكن سكل لاراغن. مدهمداهن كيت منجادي انسان يغ برتقوي دان برلمان سرت سلامة دنيا دان سلامة دأخرة.

مسلمين يغ درحمي الله،

قد ۱۲ ربيع الأول اداله تاريخ يغ ساعه برمعني باكي سلوروه أومه إسلام، كران قد تاريخ ترسيوت لاهيرن سمليا ۲ انسان، ساكوغ ۲ مأنسي يغ ممليكي درجة يغ تيغكي دسيسي الله سبحانه وتعالى دان دكلي اوله سلوروه لاغيت دان بومي. انسان أكوغ ايت إياله نبي محمد صلى الله عليه وسلم. بكندا اداله فسوروه دان ككاسيه الله دان اورغغ ساعه منجيتاي الله سبحانه وتعالى. بكندا صلى الله عليه وسلم جوك ساعه مغاسيهي أومتن كران اينله كيت هندقله مغاسيهي دان منجيتاي بكندا دغن سفتوه هاتي دان جيو. فرمان الله سبحانه وتعالى دالم سورة التوبة آية ۱۲۸:

تفسير:

دمي سسغكوهن تله داتغ كقد كامو ستورغ رسول (نبي محمد صلى الله عليه وسلم) درفد كولوغن كامو سنديري، يغ ساعه مغميل برت ترهادف كسوسهن يغ كامو نغكوغ، يغ مغايغينكن كبايكن كقد كامو، دان ساعه بلس كاسيهن لايكي فغاسيه ترهادف اورغ ۲ مؤمن.

سسغكوهن رسول الله صلى الله عليه وسلم ساعه مغاسيهي أومتن سهيغكاكن دأخير حياه بكندا فون بكندا مراس ريساو ممكين باكيماكنه أومه بكندا سلفس كوفتن. فركارا اين اد دسبوتكن اوله إمام الطهراني دالم كتاب المعجم الكبير:

كتيك جبريل عليه السلام دودوق دسيسي كفلا بكندا، رسول الله صلى الله عليه وسلم برتانه كقدان: "واهي جبريل، اين اداله فرقيسهن دغن دنيا، ملك بريله برينا كميرا يغ ديريكن كقد كو دسيسي الله سبحانه وتعالى". جبريل منجواب: "اكو منفيكن برينا كميرا كقد مو واهي ككاسيه الله سبحانه وتعالى. سسغكوهن اكو تله تيغكلكن فيتنو ۲ شرك يغ تله دبوك دان فارا ملائكة تله بربريس ۲ منوغكو دان ممبوت روح مو دغن فوه كمليان، واهي محمد".

بكندا بركات: سكل فوجين اداله كقد توهنكو، بريله برينا كميرا كقد كو واهي جبريل. "جبريل منجواب: "اكو منفيكن برينا كميرا كقد مو بهوا فيتنو ۲ شرك تله دبوك، سوغن ۲ تله مغاير، فوكو ۲ تله ملمباي ۲، بيداداري ۵ تله برهياس ممبوت روح مو".

بكندا بركات: سكل فوجين اداله كقد توهنكو. بريله برينا كميرا كقد كو واهي جبريل. "جبريل منجواب: "أغكو اداله يغ فرتام مغويي شفاعه دان يغ فرتام اكن ممري شفاعه قد هاري قيامة.

بكندا صلى الله عليه وسلم برسبدا: سكل فوجين اداله كقد توهنكو. "جبريل بركات: "تنتغ اف لايكي يغ أغكو تان كقد كو؟

Berangkat sertai Sambutan Maulidur Rasul

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohd. Mahdi Haji Marsidi



PERARAKAN mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan didahului oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas). Sementara gambar kanan atas sekali, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada beberapa orang peserta cilik yang turut sama memeriahkan perhimpunan dan perarakan berkenaan. Manakala gambar kanan, Kebawah DYMM berkenan berinteraksi bersama para peserta.

BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik (kanan).



BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 3 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis tersebut dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1436 Hijrah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan yang lain.

Ke muka 12 & 13



SEBAHAGIAN daripada pasukan yang menyertai perarakan yang bermula dan berakhir di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di ibu negara (kiri).

Berangkat sertai Sambutan Maulidur Rasul



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja yang lain bersama-sama rakyat baginda meriahkan perhimpunan dan perarakan dengan berarak sekitar Bandar Seri Begawan.



Dari muka 11

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berserta kerabat diraja yang lain.

Majlis sambutan dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Menteri Hal Ehwal Ugama,

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad dalam sembah alu-aluannya antara lain menyebarkan keberangkatan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Perhimpunan dan Perarakan yang diadakan serentak di seluruh negara," ungkap Menteri Hal Ehwal Ugama.

Tambahnya, pada tahun ini majlis sambutan telah diwarnakan dengan beberapa sentuhan idea agar perjalanan majlis lebih selesa dan bertambah meriah dengan menampilkan sudut yang berlainan khasnya kepada pasukan kanak-kanak sekolah peringkat rendah.

Jelasnya, pada tahun ini perubahan yang dilaksanakan ialah jarak laluan perjalanan perarakan dikurangkan menjadi 3.7 kilometer dari 4.7 kilometer yang asalnya.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan berangkat menerima junjung ziarah dan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan tersebut.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban yang dibawa oleh Pasukan Dikir Kementerian Pertahanan dan sebaik-baik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Bagi memohon berkat dan syafaat, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Sebelum perarakan bermula, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengedapai bacaan selawat yang menandakan perarakan akan dimulakan.

Perarakan mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan didahului oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dan pembesar-pembesar negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin.



kepada generasi Brunei akan datang dari zaman ke zaman, negara kita masih dapat mengekalkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan mengadakan Perhimpunan dan Perarakan yang diadakan serentak di seluruh negara," ungkap Menteri Hal Ehwal Ugama.

Tambahnya, pada tahun ini majlis sambutan telah diwarnakan dengan beberapa sentuhan idea agar perjalanan majlis lebih selesa dan bertambah meriah dengan menampilkan sudut yang berlainan khasnya kepada pasukan kanak-kanak sekolah peringkat rendah.

Jelasnya, pada tahun ini perubahan yang dilaksanakan ialah jarak laluan perjalanan perarakan dikurangkan menjadi 3.7 kilometer dari 4.7 kilometer yang asalnya.

Kebawah DYMM kemudiannya berkenan berangkat menerima junjung ziarah dan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan tersebut.

Majlis diteruskan dengan persembahan Dikir Marhaban yang dibawa oleh Pasukan Dikir Kementerian Pertahanan dan sebaik-baik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan.

Bagi memohon berkat dan syafaat, doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan.

Sebelum perarakan bermula, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal mengedapai bacaan selawat yang menandakan perarakan akan dimulakan.

Perarakan mengelilingi sebahagian Bandar Seri Begawan didahului oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta kerabat diraja dan pembesar-pembesar negara.

Pada tahun ini sebanyak 132 buah pasukan menyertai perhimpunan dan perarakan dengan jumlah keramaian lebih 14 ribu orang.

Para peserta yang mengikuti perarakan ini terdiri daripada pasukan-pasukan beruniform, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, persatuan-persatuan dan orang ramai.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Bagi Tahun 1436 Hijrah ialah 'Mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Perhimpunan dan perarakan serta perbarisan telah dipertandingkan dan ia dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Kategori Sekolah Rendah/ Ugama/ Persediaan Arab/ Swasta; Kategori Sekolah Menengah/ Arab/ Institusi Pengajian Tinggi/ Maktab/ Swasta; Kategori Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan; Kategori Mukim/ Kampung/ Majlis Perundingan

Mukim/ Majlis Perundingan
Kampung/ Ahli Jawatankuasa
Takmir Masjid dan Kategori
Persatuan-Persatuan dan Sektor
Swasta.

KEBAWAH DYMM berkenan berangkat menerima junjung ziarah dan bersalam-salaman dengan ketua-ketua pasukan yang mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan tersebut (atas dan atas sekali). Sementara gambar bawah kiri, persembahan Dikir Marhaban yang dibawa oleh Pasukan Dikir Kementerian Pertahanan dan sebaik sahaja sampai kepada 'Ya Habibi' tembakan meriam sebanyak 21 das dilepaskan (bawah).



ANTARA peserta yang menyertai perarakan sempena Sambutan Maulidur Rasul terdiri daripada pasukan-pasukan beruniform, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, sektor swasta, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, institusi-institusi pengajian tinggi dan orang ramai, penyertaan kanak-kanak juga menyertai acara perhimpunan dan perarakan berkenaan (atas sekali, kiri, tengah dan kanan).





UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Universiti Islam Sultan Sharif Ali mempelawa pemohon-pemohon yang berkelayakan dan bersesuaian untuk memohon jawatan-jawatan akademik seperti berikut :

JAWATAN : Profesor

TANGGAGAJI : PT5 (\$8,000 EBKhas \$8,210) atau PT5A (\$9,500 - \$9,750 EBKhas \$10,000)

KOD JAWATAN : UNISSA/AKA/LOC/001

BIDANG : Tamadun Islam / Adab Islami / Undang-Undang

KEKOSONGAN JAWATAN : Tiga (3)

SYARAT KELAYAKAN :-

Bagi Tanggagaji PT5

a) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan. Mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang pengkhususan Tamadun Islam / Adab Islami / Undang-Undang.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Profesor Madya dalam tanggagaji PT4 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal berwasit (refereed journal), pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran, perkhidmatan kepada masyarakat dan lulus penilaian bagi jawatan ini oleh panel dalaman dan panel bebas.

Bagi Tanggagaji PT5A

b) i. Sebagai keperluan utama, mempunyai Ijazah Sarjana Muda (sekurang-kurangnya kelas dua atas) DAN Ijazah Sarjana (peringkat distinction sebagai kelebihan) DAN Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) atau yang sebanding dalam bidang yang bersesuaian dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan terkemuka sebagai kelebihan. Mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang pengkhususan Tamadun Islam / Adab Islami / Undang-Undang.

Bagi yang tidak mempunyai Ijazah Sarjana, keperluan adalah tertakluk kepada tahap Ijazah Sarjana Muda (kelas pertama sebagai kelebihan) dari universiti / fakulti universiti / pusat pengajian universiti yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan di mana calon menjalani kursus Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D) dan kualiti pencapaian Ijazah Falsafah Kedoktoran (Ph.D).

ii. Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dan telah ditetapkan dalam jawatan Profesor dalam tanggagaji PT5 selama tidak kurang dari tiga (3) tahun; memenuhi petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan untuk jawatan ini dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan buku-buku akademik, sumbangan di dalam jurnal berwasit (refereed journal), pentadbiran, penyeliaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran, perkhidmatan kepada masyarakat dan dapat meningkatkan reputasi penerbitan buku-buku akademik yang diiktiraf dan mempunyai citation tinggi di kalangan akademika antarabangsa.

ATAU

Memenuhi kriteria-kriteria berikut (bagi tanggagaji PT5 dan PT5A) :

- Mempunyai pengalaman yang cukup lama sebagai tenaga akademik di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan dan terkemuka sebagai kelebihan dan memegang jawatan terkini sebagai Profesor atau jawatan sebanding bagi tempoh yang bersesuaian;
- Mempunyai rekod dan reputasi cemerlang dalam pengajaran dan penyelidikan di dalam tempoh yang lama;

- Telah memegang jawatan Profesor atau jawatan sebanding bagi tempoh yang bersesuaian;
- Mencapai reputasi antarabangsa melalui penghasilan tulisan-tulisan akademik yang diterbitkan di dalam jurnal berwasit atau sumbangan bab atau chapter di dalam buku-buku akademik DAN menghasilkan banyak buku-buku akademik yang telah mendapat pengiktirafan dan citation tinggi di kalangan akademika antarabangsa, khususnya didalam bidang pengkhususan yang diperlukan;

- Mempunyai reputasi penyeliaan tesis Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Falsafah Kedoktoran yang berjaya;

- Terkemuka di kalangan akademika antarabangsa sebagai pembentang kertas-kertas akademik dalam bidangnya;

- Mempunyai kapasiti untuk meneruskan bidang-bidang penyelidikannya di Pusat Pengajian Tinggi yang dipohonkannya untuk berkhidmat.

c) Berkeupayaan untuk memberi kepimpinan akademik dan mentor kepada warga fakulti yang muda lebih-lebih lagi didalam penyelidikan.

d) Dapat mengangkat imej dan prestasi Pusat Pengajian Tinggi di masyarakat akademik antarabangsa dan bereputasi tinggi didalam menyumbang perkhidmatan kepada masyarakat umum melalui kepakarannya.

e) Progresif dan berkapasiti tinggi didalam pengurusan dan pentadbiran akademik didalam menyumbang kepada kemantapan integriti Pusat Pengajian Tinggi.

f) Mestilah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap CEMERLANG bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

JAWATAN : Profesor Madya

TANGGAGAJI : PT4 (\$6,800 EBKhas \$7,010)

KOD JAWATAN : UNISSA/AKA/LOC/002

BIDANG : Dakwah Islamiah

KEKOSONGAN JAWATAN : Satu (1)

SYARAT KELAYAKAN :-

4. Pada waktu-waktu seperti berikut:
**Hari Isnin hingga Khamis
8.30 pagi hingga 11.00 pagi
2.00 petang hingga 3.00 petang
Hari Sabtu
8.30 pagi hingga 10.00 pagi**

5. Yuran tawaran adalah **BND50.00 sahaja** dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah.
6. Tawaran yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang disediakan dan dialamatkan kepada:

Pengerusi

**Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan Bahagian
Perkhidmatan Kewangan (A),
Blok A, Tingkat 1 Bangunan
Kementerian Pendidikan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Negara Brunei Darussalam**

7. Tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul surat tertutup rapi. Di samping surat berkenaan hendaklah ditulis sebelah kiri atas tanpa menyatakan sebarang nama atau logo syarikat:

8. Tawaran hendaklah dikembalikan tidak lewat hari **6 Januari 2015 hari Selasa jam 2.00 petang**. Tawaran yang lewat dihantar tidak akan diterima.

9. Sijil pendaftaran daripada Pejabat Peguam Negara (Form 16 & 17 / Form X) hendaklah disertakan bersama tawaran.

10. Kerajaan dibawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI DAN PERDAGANGAN



Vacancy at ASEF

Title	Project Executive
Department	Political & Economic Department
Type of position	1-year contract
Estimated Starting Date	1 March 2015
Deadline of Application	31 January 2015

Asia-Europe Foundation (ASEF)

The Asia-Europe Foundation (ASEF) promotes understanding, strengthens relationships and facilitates cooperation among the people, institutions and organisations of Asia and Europe. ASEF enhances dialogue, enables exchanges and encourages collaboration across the thematic areas of culture, economy, education, governance, public health and sustainable development. ASEF is a not-for-profit intergovernmental organisation located in Singapore. Founded in 1997, it is the only institution of the Asia-Europe Meeting (ASEM)¹. Together with about 700 partner organisations ASEF has run more than 650 projects, mainly conferences, seminars and workshops. Over 17,000 Asians and Europeans have actively participated in its activities and it has reached much wider audiences through its networks, web-portals, publications, exhibitions and lectures.

For more information, please visit www.asef.org

About the Department

ASEF's Political & Economic Department aims to provide and communicate quality, actionable inputs for the policy dialogue between Asia and Europe.

Our goals are:

- Regularly monitoring and analysing developments in Asia-Europe relations in order to identify issues where ASEF can provide an added-value
- Designing and implementing programmes responsive to the identified needs of Asia-Europe relations
- Transforming the outcomes of programmes into inputs actionable for Asia-Europe policy dialogue
- Delivering and implementing a communication strategy for the dissemination and advocacy of the Political & Economic Department activities.

¹ The Asia-Europe Meeting (ASEM) is an intergovernmental forum for dialogue and cooperation established in 1996 to deepen relations between Asia and Europe, which addresses political, economic and socio-cultural issues of common concern. The 53 ASEM Members are Australia, Austria, Bangladesh, Belgium, Brunei Darussalam, Bulgaria, Cambodia, China, Croatia, Cyprus, the Czech Republic, Denmark, Estonia, Finland, France, Germany, Greece, Hungary, India, Indonesia, Ireland, Italy, Japan, Kazakhstan, Korea, Lao PDR, Latvia, Lithuania, Luxembourg, Malaysia, Malta, Mongolia, Myanmar, the Netherlands, New Zealand, Norway, Pakistan, the Philippines, Poland, Portugal, Romania, the Russian Federation, Singapore, Slovakia, Slovenia, Spain, Sweden, Switzerland, Thailand, the United Kingdom, Viet Nam, the European Union and the ASEAN Secretariat. For more information, please visit www.asseminfoboard.org.

Our current thematic areas of work include:

- Economy
- Governance
- Public Health
- Sustainable Development

About the Position

The Political & Economic department seeks to engage a Project Executive effective 1 March 2015 over a period of 12 months.

Key Responsibilities:

- Project Management**
 - Manage ASEF's projects on Asia-Europe Public Diplomacy, ASEF Outlook Report 2016/2017, ASEM Seminar on Science, Technology and Innovation for Sustainable Development, and new activities that might be initiated by the department in 2015.
 - Negotiate with relevant potential co-organisers/partners, etc.
 - Together with the Director and Deputy Director, respond to themes put forward by stakeholders, ASEF governors, colleagues, the media, etc. for events under the department
 - Prepare and compile final reports of projects under her/his charge.
 - Provide guidance and support to Project Officers and interns to assist in their management and execution of projects.
 - Contribute to the publications of papers on major themes of the abovementioned programmes/projects.
 - Together with the Public Affairs department, co-ordinate promotion and publicity before and after all events under the programme.
 - Perform other duties (administrative, financial, etc.) assigned by the Director or Deputy Director.
- Department Management**
 - Evaluate topics relevant to the thematic programmes of the Political & Economic Department together with the Department Director and Deputy Director.
 - Assist in monitoring and managing the department budget and expenses.
 - Regularly exchange information about department activities on a cross-departmental level.
 - Review and generate publications, articles, etc. for the department.
 - On a case by case basis, represent the Department in internal meetings.
- Network Management**
 - Identify, establish and maintain contact with potential co-organisers, steering committee members and resource persons of the department.
 - Promote strong networks and good relationships with partner institutions.
 - Represent the Foundation at meetings and conferences.
- Others**
 - Issue scanning and analytical writing.
 - Provide input to ASEF's overall strategy.
 - Participation in relevant ASEF taskforces including the Project Management Taskforce.
 - Other tasks (administrative, financial, etc.) that may be defined from time to time by the Director or Deputy Director.

Qualifications & Experience:

- Master's Degree, preferably in Economics, Economics of Sustainable Development, Political Science, International Relations or Regional Studies.
- Minimum of 5 years of relevant working experience.
- Previous working experience on economic policy or at an international organisation will be an added advantage.
- Citizen of an ASEM country

Key Competencies:

- Demonstrated knowledge and interest in multilateralism, international organisations and current world affairs.
- Strong interpersonal skills, cultural awareness and the ability to effectively communicate with individuals from diverse professional and social backgrounds.
- Ability to work in a team environment.
- Ability to work effectively with minimal supervision.
- Proficiency in both written and spoken English.
- Working knowledge of other ASEM languages is an added advantage.
- Excellent writing, organisational and communication skills.
- Experience in reviewing and editing publications.
- Proficiency in Microsoft Office.

Remuneration & Benefits

The successful candidate will be offered a monthly salary commensurate with her/his personal qualifications and experience. Other applicable benefits include medical benefits, various paid leaves and an annual wage supplement equivalent to a month's salary.

How to Apply

To apply for this position, please submit the followings documents:

- Cover letter detailing the qualities/contributions that you would bring to ASEF
- Curriculum vitae with the your photograph and contact details, highlighting past studies and work experiences related to the above job requirements
- Copy of your passport(s)

Please send your application by email with the subject and Reference No. **1412PE12 – Project Executive** to hr@asef.org by **31 January 2015**. As ASEF receives a large number of applications, we seek your understanding that only shortlisted applicants will be contacted via email.

Asia-Europe Foundation (ASEF) | 31 Heng Mui Keng Terracem, Singapore 119595
T: +65 6874 9700 | F: +65 6872 1135 | www.asef.org



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DI DALAM
KELAS,II, III & IV KATEGORI:
SYSTEM DEVELOPER**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA : HARI
SELASA, 13 JANUARI 2015**

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA, 27
JANUARI 2015, JAM 2:00 PETANG**

BIL : JKR/DBSBM 018/2014

**NAMA PROJEK:
PEMELIHARAAN DAN BANTUAN
SISTEM JABATAN KERJA RAYA
"INTEGRATED MAINTENANCE
MANAGEMENT SYSTEM"
-(i -MMS) UNTUK
TEMPOH 24 BULAN**

**PROJEK: DBS /EGOV/IMM/2015
YURAN TAWARAN:\$100.00 (TIDAK
DIKEMBALIKAN)**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG
YANG BERDAFTAR
DALAM KELAS III & IV
KATEGORI:KA01 & B01 SAHAJA**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL
DOKUMEN TAWARAN PADA : HARI
SELASA, 13 JANUARI 2015**

**TARIKH TUTUP : HARI SELASA, 27
JANUARI 2015, JAM 2:00 PETANG**

**BIL : JKR/DBSBM 019/2014
NAMA PROJEK:
KERJA-KERJA MENAIKTARAF
DI BANGUNAN
JABATAN PERKHIDMATAN
BANGUNAN, JKR, BLOK 'B'
DAN BLOK 'C' (JKR 108), OLD
AIRPORT, BERAKAS,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROJEK: 2014DBSBM /JKR009
YURAN TAWARAN:\$50.00 (TIDAK
DIKEMBALIKAN)**

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (kecuali) lain daripada alamat yang dinyatakan dalam iklan atau dokumen tawaran.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Dokumen tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait (bilangan tawaran yang dimulai dengan huruf ("JKR/DBSKB ...")) bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa sijil pendaftaran kontraktor dan pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar yuran tawaran.

Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. 1

MINDEF/DFA/RC/162(3)

HIRING OF 2 MEDIUM NUSES FOR GURKHA RESERVE UNIT (GRU) - THREE (3) YEARS CONTRACT
Bayaran Tawaran: BND30.00

(tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Baru Kementerian Pertahanan, Blok C, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00**

petang hari Selasa, 27 Januari 2015. Dokumen - dokumen tawaran boleh diperolehi dari Unit Kaunter Bahagian Perolehan (Blok D), Jabatanarah Kewangan dan Perolehan Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat) bermula pada 29 **Disember 2014.**

Bayaran tawaran, 'Tender fee' dan 'Dokumen Fee' hendaklah dibayar di Unit Kaunter Bahagian Kewangan Blok C, Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Blok D, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran:-
Isnin - Khamis :

8.00 pagi - 12.00 petang & 2.00 petang - 3.00 petang
Jumaat :

8.00 - 11.00 pagi & 2.30 - 3.00 petang

Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide- tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide-tender) dan tidak akan dilayan.

der) dan tidak akan dilayan.

Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor passport pemilik.

Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini.

Iklan-iklan tawaran boleh dilihat melalui laman web: <http://www.mindef.gov.bn>.



PESTA KERJAYA BRUNEI 2015



19 -22 Januari 2015
(Isnin-Khamis)
9.00 pagi- 5.00 petang

Dewan Bridex 2,
Jerudong

Aktiviti-Aktiviti: Peluang pekerjaan, temuduga terbuka, klinik kerjaya dan banyak lagi

Masuk adalah percuma. Sila bawa CV, Sijil, kad pengenalan awda serta berpakaian kemas

Anjuran bersama:

Agensi Pekerjaan Tempatan dan Pembangunan Tenaga Kerja (APTK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri

Sila hubungi kami :



Brunei Job Fair 2013



2240483

2241249 ext 431



JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

BILANGAN TAWARAN :
06/IMMB/01/2015

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN POS KAWALAN SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di alamatkan yang tersebut di bawah tidak lewat pada **6 Januari 2015, hari Selasa, jam 2.00 petang.**

PENGERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL

BANGUNAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
TINGKAT 1, JALAN JAMES PEARCE
BANDAR SERI BEGAWAN BS8610
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas **tidak akan dilayan.**

3. Tawaran hendaklah di hantar dalam **dua (2)** salinan berserta dengan borang pengakuan, salinan Pendaftaran Perniagaan (Business Registration).

4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) tanpa

menunjukkan identiti penender dengan menulis di luar sampul surat berkenaan seperti berikut :-

BILANGAN TAWARAN :
06/IMMB/01/2015

TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN MEMELIHARA BANGUNAN DAN KAWASAN POS KAWALAN SUNGAI TUJOH, KUALA BELAIT

TARIKH TUTUP: 6 JANUARI 2015

5. PENENDER hendaklah menyatakan sebutharga bagi kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan termasuk peralatan dan 'detergent' yang digunakan. PENENDER hendaklah juga menyenaraikan kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan secara harian atau berkala dalam masa seminggu, sebulan dan sebagainya.

6.Syarikat atau perusahaan yang berhajat

untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membayar Yuran Tawaran sebanyak **BND10 (tidak akan dikembalikan).** Dokumen dan pembayaran wang cagar boleh didapati dan dibuat di Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 3, Ibu Pejabat, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jalan Menteri Besar pada bila-bila waktu pejabat dibuka.

7. Tawaran ini adalah bagi tempoh **dua (2) tahun** bermula dari tarikh kontrak perjanjian dipersetujui dan ditandatangani.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Penutupan dan pembukaan lencongan sementara

Berita dan Rajah : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Jabatan Jalan Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) memaklumkan bahawa aliran trafik utama dari Lebuhraya Tutong menuju ke Muara dan sebaliknya Muara menuju ke Tutong akan dilencongan buat sementara waktu ke jalan baru yang telah siap dibina untuk memberikan laluan bagi kerja-kerja pembinaan jalan.

Lencongan tersebut bermula selepas persimpangan lampu isyarat Jalan Pasir Berakas.

Sehubungan dengan itu, beberapa pembukaan lencongan sementara dan penutupan jalan akan dijalankan seperti dalam rajah-rajah yang disertakan.

PELAN 1 - Jalan-jalan yang terlibat

bagi kerja-kerja penutupan jalan.

Jalan-jalan yang terlibat bagi penutupan tersebut ialah Jalan Lebuhraya Muara - Tutong dan Lebuhraya Tutong - Muara bermula 250 meter daripada Persimpangan Empat Jalan Pasir Berakas/ Lebuhraya Muara - Tutong hingga 1.1 kilometer jauhnya daripada lampu isyarat tersebut dan sebahagian daripada Jalan Utama Berakas bermula daripada Lampu Isyarat Jalan Utama Berakas/ Lebuhraya Muara - Tutong hingga Lampu isyarat bagi persimpangan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Lambak Kanan.

PELAN 2 - Trafik daripada Bandar Seri Begawan (BSB) menuju ke Jalan Pasir Berakas North (Berakas Kem), Muara dan Tutong.

Pelan ini menunjukkan aliran trafik bagi pengguna jalan raya daripada BSB hendak menuju ke Jalan Pasir Berakas North (Berakas Kem), Muara dan Tutong bolehlah menggunakan Jalan Laluan Industri dan seterusnya menggunakan Jalan Pasir Berakas.

PELAN 3 - Trafik daripada Muara menuju ke BSB.

Pelan ini menunjukkan aliran trafik daripada Muara yang hendak menuju ke BSB bolehlah menggunakan jalan susur seperti biasa menuju ke Jalan Utama Berakas dan juga melalui Jalan Lebuhraya Muara - Tutong yang baru dan seterusnya menggunakan Jalan Pasir Berakas.

PELAN 4 - Trafik daripada Tutong menuju ke RPN Lambak Kanan dan BSB.

Pelan menunjukkan aliran trafik daripada Tutong yang hendak menuju ke RPN Lambak Kanan dan BSB

bolehlah menggunakan Jalan Pasir Berakas daripada persimpangan empat lampu isyarat Pasir Berakas/ Lebuhraya Muara - Tutong dan seterusnya menggunakan Jalan Industri dan Jalan Utama Berakas untuk menuju ke destinasi berkenaan.

PELAN 5 - Trafik daripada RPN Lambak Kanan menuju ke Jalan Pasir Berakas North (Berakas Kem), Tutong dan Muara.

Pelan menunjukkan aliran daripada RPN Lambak Kanan yang menuju ke Jalan Pasir Berakas North (Berakas Kem), Tutong dan Muara bolehlah menggunakan Jalan Industri dan seterusnya melalui Jalan Pasir Berakas.

PELAN 6 - Trafik daripada Jalan Pasir Berakas North (Berakas Kem) menuju ke BSB and RPN Lambak Kanan.


Pelan ini menunjukkan aliran trafik daripada Jalan Pasir Berakas North

(Berakas Kem) yang menuju ke BSB dan RPN Lambak Kanan bolehlah menggunakan Jalan Pasir Berakas dan seterusnya menggunakan Jalan Industri dan Jalan Utama Berakas untuk menuju ke destinasi berkenaan.

Lencongan tersebut akan mula beroperasi pada hari Sabtu, 3 Januari 2015 bermula pukul 1.00 petang hingga kerja-kerja selesai dilaksanakan.

Dengan itu, JKR mengingatkan para pengguna jalan raya supaya sentiasa berhati-hati apabila melalui kawasan tersebut, di samping mematuhi tanda-tanda jalan lalu lintas demi mengelakkan perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Di samping itu, para pemandu juga disaran supaya sentiasa mengamalkan sikap bertolak ansur sesama pengguna jalan raya yang lain demi keselamatan dan kesejahteraan bersama.



JSKLL berjaya kumpul 29 pain darah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Sebanyak 29 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Menderma Darah di Dewan Serbaguna, Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (JSKLL), Gadong.

Kempen selama setengah hari bermula dari pukul 2.00 hingga 4.00 petang itu dianjurkan oleh JSKLL Pasukan Polis Diraja Brunei dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Mahdi Haji Marsidi

Saleha (RIPAS) yang bertujuan untuk membantu Unit Simpanan Darah Negara Brunei Darussalam dalam memberi khidmat bantuan kepada masyarakat dan pesakit yang memerlukan darah.

Ini juga merupakan satu amalan yang berkeabajikan dan menanamkan sifat

beramal jariah bahawa menderma seunit darah boleh menyelamatkan nyawa dan mudah-mudahan akan mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Terdahulu, setiap individu yang menderma darah hendaklah bebas daripada selesema, demam panas dan penyakit-penyakit lain pada waktu menderma darah, selain tidak mengambil sebarang ubat-ubatan seperti ubat kencing manis, darah tinggi, permasalahan jantung dan sebagainya.

Para penderma darah hendaklah mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 45 kilogram dan berumur 17 tahun ke atas.

Oleh itu, pihak pusat pendermaan darah menyeru belia-belia yang berumur 17 tahun ke atas yang sihat tubuh badan supaya dapat menderma darah yang dibukakan setiap waktu bekerja di pusat berkenaan atau melayari laman Facebook Blood Donation Brunei.



PARA anggota dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas ketika menyertai Kempen Menderma Darah.

Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an bermula Februari 2015

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Pusat Pengajian dan Penyiaran Al-Qur'an MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), selaku Urusetia Lembaga Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an akan mengadakan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Qur'an Pusingan Pertama Tahun 1436 Hijrah/ 2015 Masihi bermula bulan Februari 2015 bagi kategori-kategori yang ditawarkan, iaitu 10 Juzuk dan 30 Juzuk.

Sehubungan dengan itu, permohonan untuk menyertainya mula dibuka pada hari Isnin, 14 Rabiulawal 1436H bersamaan 5 Januari 2015M.

Mereka yang berminat, bolehlah mendapatkan borang permohonan di Pejabat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, di Blok 2H, Tingkat 8, Bangunan Kondominium Ong Sum Ping.

Jalan Ong Sum Ping atau dimuat turun melalui Weblog: www.pp-pq-mabims.blogspot.com.

Borang hendaklah diisikan dengan lengkap dan dihantar tidak lewat dari hari Isnin, 28 Rabiulawal 1436H bersamaan 19 Januari 2015M semasa waktu pejabat sebelum pukul 3.45 petang.

Keterangan lanjut mengenainya boleh menghubungi Dayang Noor Reantry binti Haji Bakir di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS melalui talian 2233364.

Ambil langkah waspada cegah sebarang kemalangan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Kementerian Kesihatan mengingatkan orang ramai supaya mengambil langkah-langkah berwaspada bagi mencegah dan menghindarkan sebarang kemalangan dan kecelakaan yang boleh membahayakan kesihatan berikutan dengan keadaan hujan lebat dan banjir di kawasan-kawasan tertentu pada masa ini.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, keadaan banjir berkemungkinan boleh mengakibatkan berlakunya penyakit-penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti cirit-birit, keracunan makanan dan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti demam denggi dan sebagainya.

Antara langkah-langkah yang perlu diambil termasuklah memastikan bekalan air adalah bersih dan tidak tercemar; memastikan air minum dimasak terlebih dahulu atau meminum air botol; memasak semua makanan dengan sempurna; mengutamakan kebersihan diri khususnya membasuh tangan dengan air bersih dan sabun selepas menggunakan tandas.

Kementerian Kesihatan juga mengingatkan supaya menjaga kebersihan persekitaran tempat tinggal dan kawasan yang berdekatan serta tidak membuang sampah merata-rata dan memastikan saluran air supaya tidak tersumbat oleh sampah sarap, lumpur dan dahan-dahan pokok, di samping mendapatkan rawatan jika mengalami penyakit seperti demam panas, sakit perut, cirit-birit, muntah dan lain-lain.

Selain itu, orang ramai juga dinasihatkan supaya mengutamakan keselamatan khususnya kanak-kanak agar tidak terdedah kepada air banjir bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini seperti lemas, kecederaan serta jangkitan penyakit selain memastikan tidak ada takungan air yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Bagi pesakit yang menghadapi penyakit kronik hendaklah memastikan mempunyai bekalan ubat yang mencukupi dan jika berkurangan bekalan adalah dinasihatkan untuk menghubungi kemudahan kesihatan berdekatan untuk mendapatkan bantuan bekalan ubat.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai langkah-langkah penjagaan kesihatan semasa musim hujan orang ramai boleh menghubungi Healthline Kementerian Kesihatan melalui talian 145 atau e-mel kepada env.health@moh.gov.bn.

Kebakaran kecil jeaskan perkhidmatan lif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Kebakaran kecil yang berlaku kira-kira pukul 8.15 pagi tadi di bilik motor yang mengendalikan lif lama di Bahagian Pesakit Luar Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah melibatkan kerosakan terhadap motor lif tersebut.

Mengikut Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan, asap kebakaran berjaya dikesan oleh Sistem Penggerak Kecemasan Automatis hospital itu.

Berikutan kejadian itu, orang ramai telah dikerahkan untuk mengosongkan bangunan sebagai langkah keselamatan di mana usaha awal untuk memadamkan api kecil tersebut telah dilaksanakan oleh pihak kakitangan pengurusan Hospital RIPAS dengan dibantu oleh kontraktor yang mengawas sistem bangunan Hospital RIPAS.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sampai ke tempat kejadian pada pukul 8.39 pagi setelah menerima panggilan kira-kira 8.36 pagi dan berjaya memadam kebakaran yang hanya melibatkan kerosakan terhadap motor lif berkenaan. Oleh itu, lif awam yang terjejas tidak lagi dapat digunakan sehingga kerja-kerja pembaikan selesai dilaksanakan.

Keadaan bangunan adalah selamat untuk digunakan dan semua perkhidmatan klinikal pesakit luar beroperasi seperti biasa yang mana para pesakit luar yang mempunyai temu janji telah mula mendapatkan rawatan di klinik-klinik tersebut pada pukul 9.15 pagi.

Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa pihak pengurusan Hospital RIPAS amat mengambil berat dan sentiasa peka akan keselamatan dan kesejahteraan pesakit dan orang ramai yang berurusan di hospital berkenaan.

Oleh itu, langkah-langkah pencegahan, pengawasan, pemantauan serta tindakan serta-merta bagi menangani apa jua kejadian kecemasan adalah menjadi keutamaan.

Operasi jejak pesalah imigresen diteruskan

Berita dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 30 Disember. - Seramai 16 orang warganegara asing, dua daripadanya perempuan telah dibawa dan ditahan sementara di Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah pada Operasi Kikis Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) 103 / 2014 yang bermula kira-kira pukul 10.30 lewat malam semalam dan berakhir kira-kira 4.30 pagi tadi.

Operasi Bersepadu 7 Agensi, Bahagian Penguatkuasa JIPK yang menyasarkan empat lokasi mengandungi rumah dan bilik sewa serta bilik sewa bangunan kedai yang berasingan di Mukim Berakas dan kawasan Bandar Seri Begawan itu, juga telah mengeluarkan 11 keping pas khas ke atas warganegara asing, di samping mengeluarkan dua surat panggilan kepada pihak majikan bagi siasatan lanjut.

Setelah tapisan lanjut dibuat hari ini, sembilan orang dibebaskan apabila pihak majikan membawa pasport yang mengandungi pas kerja yang masih sah, manakala seorang daripadanya didapati memiliki pas imigresen yang telah mansuh.

Semasa serbuan di bilik sewa di Kampung Serusop, Mukim Berakas, pegawai bertugas terpaksa membuka

pintu salah sebuah bilik sewa tersebut secara paksa setelah mendapati seorang lelaki berada di dalam bilik yang mempunyai lubang laluan rahsia dan dipercayai bersama seorang perempuan asing yang bersembunyi di bawah rumah itu dan berusaha keluar melalui laluan rahsia tersebut.

Kedua-duanya dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang kerana gagal menunjukkan sebarang dokumen yang mengandungi pas imigresen yang masih sah dan dokumen yang memperakui mereka adalah pasangan suami isteri yang sah dan kesnya juga ditangani oleh Bahagian Penguatkuasa Agama.

Melalui tapisan lanjut, perempuan terbabit adalah pembantu rumah yang telah pun dilaporkan lari daripada majikan ke bahagian ini pada 14 Jun 2014 dan mempunyai pas kerja yang masih sah sehingga 10 Ogos 2015. Kesnya masih dalam siasatan bahagian ini.

Pada pemeriksaan ke atas salah sebuah bilik sewa di Kampung Delima Satu, Berakas pula, seorang lagi lelaki warganegara asing yang dipercayai lari daripada majikan dan dilaporkan lari ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang Kuala Belait juga berjaya ditangkap. Lelaki berkenaan didapati memiliki cap arahan keluar yang telah mansuh sejak 20 Januari 2014. Bagaimanapun, kesnya masih

dalam siasatan dan jika sabit kesalahan akan dihadapkan ke Mahkamah.

Sementara dua orang lelaki warganegara asing masih dalam tahanan imigresen dan menunggu pihak majikan membawa pasport, manakala yang lain dibebaskan setelah pihak majikan membawa pasport ke bahagian ini.

Menyentuh mengenai kes khalwat ke atas pasangan warganegara asing yang gagal membuktikan mereka adalah pasangan suami isteri, Bahagian Penguatkuasa Agama masih menjalankan penyiasatan dan jika sabit kesalahan akan dikenakan hukuman di bawah Bab 196 Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013.

Bahagian Penguatkuasa Jabatan Buruh yang menyertai operasi tersebut juga sedang menyiasat kes lapan orang warganegara asing, iaitu empat orang jawatan amah dan empat orang pembantu persendirian yang tinggal berasingan dengan majikan.

Jika terbukti bekerja sebagai *freelancer* mereka dikira menyalahgunakan kebenaran lesen pengambilan pekerja asing dan perkara ini mendorong majikan melakukan kesalahan di bawah Bab 112(1) Perintah Pekerjaan 2009 yang mana jika sabit kesalahan Bab 112(3) Perintah yang sama akan dikenakan denda tidak kurang BND6,000 dan tidak lebih BND10,000 atau penjara dari enam bulan dan tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

JIPK akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di negara ini dengan melaksanakan pemantauan, operasi dan pemeriksaan secara berterusan berpanduan kepada maklumat yang ada sama ada secara persendirian atau bersama dengan agensi penguatkuasaan yang lain.

Ke arah aktiviti penguatkuasaan tersebut JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi talian hotline 8734888 dan 8753888.

Sebarang maklumat dan nama pemberi maklumat akan dirahsiakan sepenuhnya.



PEKERJA asing dikumpulkan untuk dibawa setelah gagal menunjukkan dokumen mengandungi pas imigresen yang masih sah.



PEREMPUAN asing yang melarikan diri melalui lubang rahsia dan kedua-duanya gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah.



BAHAGIAN Penguatkuasa Agama menangani kes warga asing yang gagal membuktikan mereka pasangan suami isteri yang masih sah.

Hubungan kerjasama Brunei - Myanmar ditingkatkan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 4 Januari.
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein serta kerajaan dan rakyat Republik Kesatuan Myanmar sempena Hari Kemerdekaan negara tersebut.

Di dalam perutusan tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama U Thein Sein di atas kejayaan Myanmar dalam mempengerusikan ASEAN pada tahun 2014 dan baginda juga amat menghargai layanan yang baik lagi mesra semasa lawatan negara baginda ke Myanmar pada bulan Mac tahun yang sama.

Kebawah DYMM seterusnya berharap untuk meneruskan kerja bersama Tuan Yang Terutama secara dua hala dan sebagai rakan kongsi serantau dalam mengukuhkan lagi talian yang amat bernilai di antara kedua-dua buah negara.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda menyampaikan salam muhibah semoga Presiden Republik Kesatuan Myanmar, TYT U Thein Sein akan menikmati keadaan sihat walafiat dan kebahagiaan yang berterusan.



Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali



Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama U Thein Sein serta kerajaan dan rakyat Republik Kesatuan Myanmar sempena Hari Kemerdekaan negara tersebut.

Kesatuan Myanmar, Tuan Yang Terutama Wunna Maung Lwin sempena Hari Kemerdekaan Ke-67 republik berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia dalam sabda perutusan tersebut mengucapkan tahniah atas kejayaan republik tersebut menjadi Pengerusi ASEAN tahun lepas dan berterima kasih kepada TYT dan rakyat republik berkenaan atas layanan mesra dan pengurusan yang baik yang diberikan semasa menganjurkan pelbagai mesyuarat tahun lepas.

Melalui perutusan berkenaan, DYTM berharap kedua-dua buah negara dapat meneruskan kerjasama ke arah mengukuhkan hubungan yang amat berharga terutama dalam bidang kesihatan dan tenaga.

DYTM seterusnya mengucapkan salam muhibah dan kesejahteraan menyambut perayaan berkenaan dan mengharapakan kemakmuran bagi tahun 2015.

Majlis Penutup Dikir di Istana Nurul Iman

Dari muka 1

Sementara Doa Dikir dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran dan Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat dan hadir pada majlis itu termasuklah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Pehin-Pehin Menteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Setiausaha-Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

MAJLIS Penutup Dikir berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar (kanan), manakala Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kanan sekali).



DIKIR Marhaban dibawakan oleh pegawai-pegawai masjid dan imam-imam.

PASTIKAN DASAR DAN ISI PENDIDIKAN NEGARA SELARAS KONSEP MIB

دتریتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتري دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.